



Hujung Minggu

پروڈنی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.06 | SUBUH 5.16 | SYURUK 6.36 | DUHA 7.00 | ZUHUR 12.35 | ASAR 3.56 | MAGHRIB 6.31 | ISYAK 7.43

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 14

1 FEBRUARI 2025 / 1446 شعبان 2

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

مانیسش ایمان

FIRMAN Allah Subhanahu Wata'ala dalam

Surah Al-Mu'min ayat 60, tafsirnya :

"Sesungguhnya orang yang sombang takbir daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina".

BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAKZIAH

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Amerika Syarikat, Tuan Yang Terutama Donald J. Trump, kerajaan dan rakyat Republik Amerika Syarikat berikut dengan nahas pelanggaran kapal

American Airlines Flight 5342 dengan helikopter 'Blackhawk' Tentera Amerika Syarikat yang telah mengorbankan banyak nyawa berdekatan Lapangan Terbang Ronald Reagan Washington baru-baru ini.

Sambutan Israk Mikraj terus disemarakkan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Israk Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

>> Muka 3

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan.



Upacara Perhimpunan Sambutan HK Ke-41 diadakan pada Ahad, 23 Februari

Siaran Akhbar : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - 23 Februari 2025 akan menandakan satu peristiwa penting bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam sama-sama memperingati Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) NBD Ke-41 sebagai sebuah negara yang merdeka lagi berdaulat.

Oleh itu, Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Acara Kemuncak Upacara Perhimpunan Sambutan HK NBD Ke-41 untuk diadakan pada Ahad, 23 Februari 2025, sebelah pagi bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di Bandar Seri Begawan.

>> Muka 4



Berita Utama



KURSUS bantu tingkatkan pengetahuan bakal jemaah haji

Muka 10



WECARE hulur bantuan kepada yang memerlukan

Muka 16



ZHAO Shang Yi Dun - Viking Sun singgah ke NBD

Muka 18



INFO Teknologi

LAKUKAN penyelenggaraan rutin untuk memastikan ketahanan peranti

Muka 21

Kadar inflasi menurun 0.4 peratus bagi tahun 2024

Siaran Akhbar : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Januari. - Kadar inflasi negara pada tahun 2024 mencatatkan penurunan sebanyak 0.4 peratus berbanding tahun 2023. Ini adalah didorong oleh penurunan sebanyak 0.6 peratus bagi Indeks Bukan Makanan, berikutan penurunan harga Pengangkutan (1.2 peratus); dan Pakaian dan Kasut (3.3 peratus).

Manakala Indeks Makanan dan Minuman

Ringan menunjukkan peningkatan sebanyak 0.5 peratus, terutamanya harga Minuman Ringan (6.1 peratus). Indeks Harga Pengguna (IHP) pada bulan Disember 2024 menunjukkan penurunan sebanyak 0.5 peratus berbanding bulan Disember 2023, didorong oleh penurunan sebanyak 1.2 peratus bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan dan sebanyak 0.3 peratus bagi Indeks Bukan Makanan.

Penurunan bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah didorong oleh penurunan harga Daging (3.7 peratus), terutamanya harga daging ayam disebabkan oleh penurunan kos makanan ternakan ayam. Ini adalah diikuti oleh harga Ikan dan Makanan Laut (2.4 peratus) yang didorong oleh penurunan harga ikan segar dan udang daripada negara-negara pembekal.

>> Muka 5

Minda cerdas alat bermanfaat mengatasi masalah berpandukan Maqasid Syariah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi pada Isnin, 27 Januari 2025 di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Assalamu'alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmani Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala
Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita berkumpul lagi untuk memperingati peristiwa agung Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Beta mengambil maklum, tema Sambutan Israk dan Mikraj pada tahun ini berbunyi 'Sembahyang Mencerdaskan Minda'.

Minda yang cerdas adalah merupakan alat bermanfaat yang dapat mengatasi pelbagai masalah berpandukan Maqasid Syariah iaitu memelihara ugama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Kunci kesempurnaan sembahyang ialah khusuk dengan memelihara rukun serta tertibnya. Khusuk boleh dicapai dengan adanya minda yang sihat. Tanpa minda yang sihat, tidak boleh diharapkan sembahyang akan khusuk. Manakala tertib dalam sembahyang mengajarkan disiplin diri.

Khusuk dalam sembahyang menjadi tanda kejayaan orang-orang beriman, sebagaimana Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Mu'minun ayat 1 hingga 2 tafsirnya: "Sesungguhnya berjaya orang-orang beriman, (iaitu) orang-orang yang khusuk dalam

sembahyang mereka".

Demikian peranan minda yang sihat mencetuskan khusuk dalam sembahyang. Oleh itu, sekalian kita perlu memelihara minda supaya tetap sihat. Cara memelihara itu satu-satunya ialah dengan melakukan sembahyang. Kerana bukankah sembahyang itu membawa ketenangan?

Hati dan minda orang sembahyang tidak ke mana-mana, melainkan hanya kepada Allah semata-mata, menjadikan hati dan minda orang sembahyang itu pasti bersih, tenang dan sihat.

Dengan mendalami hikmah setiap pergerakan dan bacaan dalam sembahyang, minda akan menjadi terlatih untuk menghindari gangguan, apa jua jenis gangguan, yang boleh menjerumuskan kita kepada pelbagai kerosakan.

Demikian, hanya minda yang sihat dan cerdas sahaja, akan mampu untuk membuat pertimbangan, mana perkara baik dan mana pula perkara buruk atau mana perkara lurus dan mana pula perkara salah.

Maka dalam hubungan ini, kepentingan minda yang sihat adalah segala-galanya. Oleh itu, beta ingin mengingatkan supaya kesihatan mental terus dijaga, bukan setakat merawatnya dengan rawatan biasa yang sedia ada tetapi beta juga mahu, supaya rawatan bersepada, iaitu rawatan cara Islam turut juga sama-sama diperkenalkan.

Sejak dengan ini, minda yang sihat akan setentunya dapat memelihara ugama dan menepis sebarang percubaan untuk memperalatkan dan menyalahgunakan agama Islam khususnya untuk kepentingan peribadi.

>> Muka 4

WAKTU SEMBAHYANG

FEBRUARI MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1	SABTU	2	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
2	AHAD	3	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.31	7.43
3	ISNIN	4	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.43
4	SELASA	5	5.06	5.16	6.36	7.00	12.35	3.56	6.32	7.44
5	RABU	6	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
6	KHAMIS	7	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44
7	JUMAAT	8	5.07	5.17	6.36	6.59	12.35	3.56	6.32	7.44

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
31 24 °C	30 24 °C	31 25 °C
Pekan Bangar		
31 24 °C	30 24 °C	31 25 °C
Pekan Tutong		
31 24 °C	30 24 °C	31 25 °C
Kuala Belait		
31 24 °C	30 24 °C	31 25 °C
Wallauhala Bissawab	www.met.gov.bn	
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان ڈچیتو اوله فرینت قلس سندیرین بحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan TAP Ke-32



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Tabung Amanah Pekerja (TAP) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhan TAP Ke-32 Tahun (atas), manakala gambar bawah, Yang Berhormat menyerahkan sumbangan kepada Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS Brunei, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don.

Siaran Akhbar dan Foto : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, mengajurkan Majlis Doa Kesyukuran sempena Ulang Tahun Penubuhannya Ke-32 Tahun



bertempat di Surau Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah TAP.

Majlis dimulakan dengan penyampaian sumbangan oleh tetamu kehormat kepada Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS Brunei, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don.

Seterusnya, majlis diikuti dengan menunaikan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah diakhiri dengan bacaan Doa Selamat serta Doa Kesyukuran. Turut hadir, Ahli-ahli Lembaga Pengarah TAP dan pegawai serta kakitangan TAP.



Hari itu dia ikut tanpa memakai tali pinggang keledar, tidak menyedari itu kali terakhir.

Lelaki, 6 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

www.mkkjr.gov.bn



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"boleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

SAMBUTAN ISRAK MIKRAJ TERUS DISEMARAKKAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

>> Muka 1

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datin Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; pemangku setiausaha-setiausaha tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian berserta pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan Ceramah Khas yang bertajuk 'Menelusuri Ibrah Peristiwa Israk dan Mikraj' yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Beliau dalam Ceramah Khasnya antara lain menyentuh mengenai peristiwa Israk dan Mikraj di mana Allah Subhanahu Wata'ala memperjalankan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidilharam ke Masjidil Aqsa serta peristiwa Mikraj Baginda ke langit sekali gus memperlihatkan kepada Baginda tanda-tanda kekuasaan dan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala.

Tambahnya, turut diperlihatkan perkara-perkara yang ghaib yang kita sebagai umat manusia tidak mampu mencapai akal dalam memahaminya. Beliau juga menerangkan mengenai makna permulaan Surah Al-Isra' iaitu Maha Suci Allah yang membawa maksud mensucikan Allah Subhanahu Wata'ala daripada segala perkara yang tidak layak bagi-Nya.

"Kita wajib meyakini Allah Subhanahu Wata'ala mampu



ANTARA yang hadir pada Majlis Sambutan Israk Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan (kiri), manakala gambar kanan, Ceramah Khas disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Ahmad Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sellahuddin.

melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya cukup dengan hanya mengatakan Kun Faya Kun maka jadilah perkara tersebut termasuklah peristiwa Israk dan Mikraj," ujarnya.

Majlis tersebut merupakan salah

satu aktiviti tahunan keagamaan Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang bertujuan untuk memperingati dan membesarlu peristiwa Israk dan Mikraj, di samping mengeratkan hubungan silaturahim di antara

pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian berkenaan serta jabatan-jabatan di dalamnya. Majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Bahagian Perdagangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

KHEDN ADAKAN CERAMAH KHAS SEMPENA ISRAK, MIKRAJ

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Baru-baru ini, kita digemparkan dengan berita mengenai Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn Bhd (GISBH) yang telah diharamkan kerana terbabit dengan jenayah ke atas kanak-kanak dan mengamalkan amalan terpesong. Alhamdulillah, percubaan GISBH untuk bertapak di Negara ini telah berjaya dipatahkan.

Maka seyogia beta mengingatkan supaya janganlah leka dan janganlah memandang ringan perkara ini. Ibarat penyakit berjangkit, mesti ia dicegah dan ditolak tanpa sebarang tolak ansur. Kerana jika tidak, ia akan mengganggu keharmonian masyarakat dan bahkan mengancam keselamatan.

Oleh itu, beta ingin menyarankan supaya kita sentiasa ingat dan menanamkan dalam minda kita bahawa pegangan ugama yang kita amalkan selama ini adalah berdasarkan aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan ini hendaklah terus diperkuatkhan, dipegang erat sampai bila-bila dan dijadikan sebagai kubu atau benteng pertahanan dari sebarang bentuk aliran lain demi memelihara keselamatan masyarakat kita.

Beta ingin meryeru semua golongan dan peringkat lapisan masyarakat yang menganut Agama Islam di negara ini untuk terus mendokong dan mengamalkan aliran ini sebagai pegangan hidup. Dengan pegangan ini, InsyaaAllah kita dan negara akan terus dilimpahi rahmat, aman makmur, sejahtera dan selamat di dunia dan akhirat.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk Mikraj di Dewan Serbaguna Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (atas), manakala gambar atas kiri, bacaan Tilawah Al-Quran Surah Al-Isra', ayat 1-8 oleh Ahli Bomba No. 1471 Abdul Hanan bin Amir dan terjemahannya dibacakan oleh Ahli Bomba No. 1502 Muhammad Haziq bin Hardi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini mengadakan Majlis Sambutan Israk Mikraj di Dewan Serbaguna KHEDN.

Majlis dihadiri oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman selaku tetamu kehormat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Tilawah Al-Quran Surah Al-Isra', ayat 1-8 yang dibacakan oleh Ahli Bomba No. 1471 Abdul Hanan bin Amir dan terjemahannya dibacakan oleh Ahli Bomba No. 1502 Muhammad Haziq bin Hardi.

Majlis yang dikelolakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat ini diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Keajaiban Solat Dalam Meningkatkan Daya Ingatan, Releksasi dan Pembinaan Mind

Set Positif yang disampaikan oleh Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Antara inti pati ceramah beliau menyatakan kita perlu sentiasa bersyukur dan mengingati Allah Subhanahu Wata'ala. Objektif yang jelas, menurutnya dalam sembahyang dapat membantu untuk fokus dan meningkatkan motivasi serta berfikiran positif. Latihan mental dan fizikal yang konsisten dalam sembahyang membantu sentiasa fokus, sabar dan berdisiplin.

"Aliran tenang yang didapat dalam sembahyang boleh merehatkan minda dan fizikal daripada urusan dunia. Tetap khusyuk dalam sembahyang agar menjadi orang yang berjaya," tambahnya.

Turut hadir, Ahli-ahli Majlis



CERAMAH Khas disampaikan oleh Dayang Siti Juhaidah binti Haji Bujang dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEDN, pegawai-pegawai kanan KHEDN, ketua-ketua jabatan di bawah KHEDN serta pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Upacara Perhimpunan Sambutan HK Ke-41 diadakan pada Ahad, 23 Februari

Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

>> Muka 1

Pertandingan Mencipta Logo telah dibuka kepada orang ramai pada 30 November 2024 yang lalu dan pertandingan ditutup pada 24 Disember 2024.

Pemenang bagi rekaan Logo Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 adalah Pelukis Tingkat 2, Jabatan Adat Istiadat Negara, Awang Mohammad Nuramar Faiq@Bahrain.

Logo dan tema, iaitu 'Bersatu Mencapai Cita Negara' Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025, yang mempunyai resolusi tinggi, bolehlah dipohonkan melalui e-mel urusetiahk@kkbs.gov.bn.

Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), iaitu www.kkbs.gov.bn atau www.mcys.gov.bn.

Orang ramai yang berhasrat untuk menggunakan logo berkenaan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada Urus Setia Jawatankuasa Kerja Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025.

Permohonan berkenaan, termasuk bagi mendapatkan Logo Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025, yang mempunyai resolusi tinggi, bolehlah dipohonkan melalui e-mel urusetiahk@kkbs.gov.bn.



برساتو منچاقاي چيتانكارا
Bersatu Mencapai Cita Negara
١٤٤٦ شعبان ٢٤ / 23 Februari 2025



MELAKUKAN SEMBAHYANG DENGAN IKHLAS MEMBUAT JIWA TENANG

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis 30 Januari. - Melakukan sembahyang dengan keikhlasan dan bukan paksaan akan menjadikan jiwa kita tenang.

Malah, bukan disebabkan menghadapi masalah baru kita akan mengingati sembahyang. Sembahyanglah semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Perkara berkenaan antara inti pati Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Terapi Minda' yang disampaikan oleh Pegawai



Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammali bin Haji Adam pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bagi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya di Dewan Digadong, bangunan kementerian berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai yang diketuai oleh Pegawai Kerja (Perantis), Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, KKBS, Awang Muhammad Afif bin Ali.

Seterusnya, bacaan ayat suci Al-Quran, Surah An-Najm, ayat 13 hingga 18 yang dibacakan oleh Orang Kelainan Upaya (OKU) Penglihatan, Awang Mohammad Sufizan bin Sofian. Manakala bacaan inti sari ayat oleh Awangku Muhammad Amirul Faiq@ Awangku Abdul Hakeem bin Pengiran Zali dari OKU Anggota.

Majlis turut diserikan lagi dengan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar kiri, Ceramah Khas disampaikan oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.

Ceramah Khas dan kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Haji Sammali.

Acara berkenaan merupakan anjuran KKBS melalui Jabatan Muzium-Muzium.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha-

setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pengarah-pengarah serta pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Kadar inflasi menurun 0.4 peratus bagi tahun 2024

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

>> Muka 1



Sementara itu, penurunan Indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh penurunan harga Pengangkutan (2.5 peratus), khususnya harga kenderaan. Manakala harga Perumahan, Air, Elektrik, Gas dan Bahan Api juga mencatatkan penurunan (0.9 peratus), terutamanya pada harga penyelenggaraan dan pembaikan tempat kediaman.

Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Disember 2024 meningkat sebanyak 0.9 peratus daripada November 2024. Ini adalah didorong oleh peningkatan Indeks Makanan dan Minuman Ringan sebanyak 0.1 peratus; dan Indeks Bukan Makanan sebanyak 1.1 peratus.

Peningkatan bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya didorong oleh Sayur-sayuran (1.7 peratus); dan Ikan dan Makanan Laut (0.6 peratus). Manakala Indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disumbangkan oleh kenaikan harga Pengangkutan (4.6 peratus) dan Rekreasi dan Kebudayaan (1.5 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barang dan perkhidmatan yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan.

Senarai barang dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Disember dan Tahunan 2024 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui <https://deps.mofe.gov.bn>.



KEMENTERIAN PERTAHANAN ADAKAN SAMBUTAN ISRAK DAN MIKRAJ



PEMERINTAH ABDB hadir pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah anjuran Kementerian Pertahanan.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Alishahrin Haji Mumin

LUMUT, Khamis, 30 Januari. – Sembahyang merupakan tunjang kehidupan seorang yang beragama Islam, anugerah Ilahi yang memberikan manfaat besar kepada jasmani, rohani dan minda.

Perkara berkenaan merupakan antara inti pati Ceramah Khas bertajuk 'Sembahyang Mencerdaskan Minda' yang ditekankan oleh Guru Ugama Terlatih Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Awang Haji Abdul Nasir Saufi bin Hassan pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi

Tahun 1446 Hijrah anjuran Kementerian Pertahanan.

Pada majlis yang diadakan di Surau Ar-Rahmah, Perkhemahan Lumut berkenaan, beliau turut menjelaskan, setiap pergerakan dalam sembahyang menyumbang kepada kesihatan fizikal, mengurangkan tekanan, menenangkan hati dan

meningkatkan kejelasan serta kewarasan dalam berfikir.

Oleh itu tekannya lagi, sembahyang bukan semata-mata ibadah rohani, tetapi juga pelengkap kepada kecemerlangan intelektual dan kesejahteraan emosi.

Hadir pada majlis berkenaan, Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin dan Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif ABDB, pengarah-pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pertahanan.

Turut dijemput bagi sama-sama memeriahkan majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara dari Daerah Belait, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung; perwakilan dari Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta jemputan daripada agensi-agensi luar.

Antara pengisian majlis termasuk, bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihih, diikuti dengan bacaan Surah Al-Isra', ayat 1 hingga 7 berserta inti



CERAMAH Khas disampaikan oleh Guru Ugama Terlatih Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Awang Haji Abdul Nasir Saufi bin Hassan.

sari ayat dan disusuli dengan bacaan Asmaul Husna dan Selawat Tafrijiyah.

Sellesai Ceramah Khas, majlis diteruskan lagi dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, bacaan wirid dan doa.

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi Tahun 1446H diadakan secara serentak di kesemua surau-surau di Kementerian Pertahanan dan Perkhemahan ABDB dengan tumpuan utama di Surau Ar-Rahmah, Perkhemahan Lumut.

Perjanjian kerjasama berikan peluang pekerjaan kepada RS



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ketua Kampung Labu Estate, Temburong hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan penandatanganan Perjanjian Kerjasama berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Aftercare Support Association

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Januari. - Dalam usaha membantu dan mengelilingi Rakan Seliaan (RS) bagi mendapatkan peluang pekerjaan, Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) baru-baru ini memeterai Perjanjian Kerjasama dengan Syarikat Massutera Engineering Sdn. Bhd.

Di antara tujuan utama

perjanjian ini adalah untuk mengeratkan kerjasama yang berterusan di antara kedua-dua agensi ini, khususnya dalam menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada RS.

Dengan pemeteraian tersebut, Syarikat Massutera Engineering Sdn. Bhd. akan dapat memberikan peluang-peluang pekerjaan kepada RS yang bersesuaian

dengan kelulusan dan kemahiran mereka.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan penandatanganan Perjanjian Kerjasama itu ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, selaku Ketua Kampung Labu Estate, Temburong.

Turut hadir ialah Yang Dipertua AFSA, Dayang Hajah Juhana binti Haji Muhd. Jaya, Ahli-ahli AFSA

dan Ahli-ahli Syarikat Massutera Engineering Sdn. Bhd.

Mewakili AFSA pada penandatanganan tersebut ialah Timbalan Yang Di-Pertua AFSA, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri, manakala Syarikat Massutera Engineering Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengarah Urusan, Syarikat Massutera Engineering

Sdn. Bhd., Awang Haji Muhamad Alfie bin Omar.

Setiausaha AFSA, Awang Haji Mahali bin Haji Hassan berharap agar perjanjian kerjasama ini akan dapat memberikan bantuan dan peluang-peluang pekerjaan kepada RS agar dapat meneruskan kehidupan mereka dan keluarga mereka.

#SihatHasratKu

www.ppkk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123



Kementerian Kesihatan
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengendalian:
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:

- Tekanan darah tinggi
- Kolesterol tinggi
- Kencing manis
- Kanser

Terdapat 4 program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular	Pemeriksaan kanser kolorektal
Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan 2. Tidak mempunyai perjanjian berterusan di pusat kesihatan atau klinik pokar di hospital bagi penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.	Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan 2. Tidak pernah menghadap kanser kolorektal (usus); dan 3. Tidak menjalani ujian usus untuk mengesan dari dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan 4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.
Pemeriksaan kanser payudara	Pemeriksaan kanser serviks
Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan 2. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan 3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.	Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 26-60 tahun; dan 2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan 3. Tidak pernah menghadap kanser serviks; dan 4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.

SEMBAHYANG MAMPU MENGASAH KECERDASAN, KEKUATAN MENTAL



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Surau Al-Syafi'i UNISSA.

■ Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar (Unit Keugamaan dan Takmir Surau) mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj 1446 Hijrah / 2025 Masihi pada hari ini bertempat di Surau Al-Syafi'i UNISSA.

Turut hadir ialah Pemangku Timbalan Rektor, Penolong-penolong Rektor, pegawai-pejawai utama, tenaga akademik, pegawai dan kakitangan UNISSA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil dipimpin oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, UNISSA, Awang Haji Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit; dan diikuti dengan bacaan doa dipimpin oleh Pegawai Ugama, UNISSA, Pengiran Mohammad Daud bin

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Pengiran Matassan.

Majlis seterusnya diserikan lagi dengan penyampaian Tazkirah Khas yang bertema 'Sembahyang Mencerdaskan Minda' oleh Penolong Kanan Profesor, Fakulti Usuluddin, UNISSA, Dr. Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil.

Antara inti pati yang dapat diambil daripada tazkirah berkenaan bahawa sembahyang bukan hanya ibadah zahir tetapi ia juga memberi manfaat dalam aspek rohani dan mental. Sembahyang yang dilakukan dengan khusuk dan ikhlas akan

memberi ketenangan kepada minda, meningkatkan tumpuan serta membersihkan hati daripada segala kekotoran.

Selain itu, ia juga menjadi cahaya yang menerangi jalan kehidupan kita, memberi petunjuk dan menghindarkan kita daripada kesesatan. Oleh itu, melalui sembahyang kita bukan sahaja memperbaiki hubungan dengan Tuhan tetapi juga mengasah kecerdasan dan kekuatan mental kita untuk menghadapi cabaran hidup.

Tujuan majlis berkenaan diadakan adalah bagi memperingati peristiwa agung perjalanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Masjidilharam ke Masjidil Aqsa lalu menuju ke Sidratulmuntaha sebagai salah satu tanda

kebesaran Allah Subhanahu Wata'alai di samping meningkatkan kefahaman serta pengetahuan tentang isi tazkirah yang disampaikan.



TAZKIRAH Khas disampaikan oleh Penolong Kanan Profesor, Fakulti Usuluddin, UNISSA, Dr. Mohamed Fathy Mohamed Abdelgelil.

Pupuk kerjasama menjaga persekitaran yang bersih, selesa



■ Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Untuk memberikan persekitaran yang kondusif dan selesa dengan penyediaan prasarana, Jabatan Perikanan, Kementerian

JABATAN Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mengadakan Kempen Kebersihan di persekitaran tapak penurunan dan penaikan perahu di Kampung Serasa, Mukim Serasa, baru-baru ini (kiri dan bawah kiri).

Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) telah mengadakan Kempen Kebersihan di persekitaran tapak penurunan dan penaikan perahu di Kampung Serasa, Mukim Serasa, baru-baru ini.

Kempen Kebersihan ini diketuai oleh Pemangku Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Tamat. Turut hadir, pegawai dan kakitangan dari Jabatan Perikanan dan juga penduduk yang bermastautin di Kampung Serasa termasuk nelayan-nelayan yang menggunakan tapak penurunan dan penaikan perahu tersebut.

Sehubungan itu, Kempen Kebersihan ini adalah merupakan salah satu kerja sukarelawan yang dilaksanakan bersempena Hari Bertindak (Day of Action Campaign) bagi sama-sama meraikan lagi Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa bagi Tahun 2024.

Ia juga merupakan salah satu inisiatif Jabatan Perikanan untuk mencapai matlamat dalam memupuk kerjasama dan memberikan kesedaran kepada semua pihak yang terlibat untuk sama-sama bertanggungjawab dalam gamalkan sifat menjaga kebersihan.

Seterusnya, sama-sama memelihara persekitaran di tapak-tapak penurunan dan penaikan perahu agar sentiasa dalam keadaan yang bersih dan selamat untuk digunakan oleh para nelayan dan juga pengguna yang lain.



Keputusan Tawaran Tertutup TPK Siri BBJ dikeluarkan

■ Siaran Akbar : Jabatan Pengangkutan Darat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa keputusan Tawaran Tertutup Tanda Pengenalan Kenderaan (TPK) bagi tiga dan empat angka Siri BBJ melalui 1-Week-Bid akan diumumkan melalui laman sesawang www.nomborku.gov.bn pada Jumaat, 31 Januari 2025.

Se semua penender yang telah mengikuti Tawaran Tertutup TPK sama ada berjaya atau sebaliknya akan menerima e-mel mengenai keputusan tawaran melalui e-mel yang telah didaftarkan bersama jabatan ini.

Penender yang berjaya adalah dikehendaki untuk mematuhi terma dan syarat seperti berikut, iaitu penender yang berjaya hendaklah membayar keseluruhan harga tawaran dan mendaftarkan TPK atas nama penender sendiri tidak lewat satu bulan daripada tarikh menerima surat berjaya, dan jika penender yang berjaya gagal membuat pembayaran penuh, maka TPK yang dimenangi akan dibatalkan secara automatik dan caj perkhidmatan tidak akan dikembalikan.

Selain itu, permohonan untuk melanjutkan tempoh kebenaran mendaftar TPK bolehlah dipohonkan setelah bayaran penuh dijelaskan dan dihadapkan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh surat berjaya dikeluarkan.

Setelah pembayaran berjaya dibuat, sekiranya pemohon belum mendaftarkan TPK dan berhasrat untuk menyimpan TPK, penahanan (Holding) TPK bolehlah dibuat dengan jumlah bayaran penahanan sebanyak BND20 bagi tempoh setiap satu tahun Penahanan. Tempoh minima bagi penahanan adalah satu tahun dan maksima 10 tahun, tertakluk kepada jangka masa yang dipilih bagi setiap TPK.

Manakala, pembayaran TPK berjaya dan penahanan TPK boleh dilaksanakan secara dalam talian atau di mana-mana Kaunter Perkhidmatan JPD kecuali di Kompleks Litar Latihan dan Ujian Memandu JPD Sungai Akar.

Jika penender yang berjaya ingin menyerahkan TPK berkenaan, pensyaratannya serah bagi TPK tiga dan empat angka adalah seperti berikut, iaitu perkhidmatan serah TPK tiga dan empat angka dibenarkan kepada sesiapa sahaja lebih daripada satu kali sama ada melalui perkhidmatan serah TPK sahaja atau perkhidmatan serah TPK melalui tukar milik kenderaan.

Permohonan serah sama ada melalui perkhidmatan serah TPK atau perkhidmatan serah tukar milik kenderaan selepas tempoh 12 bulan daripada tarikh surat berjaya dikeluarkan, permohonan yang dibenarkan akan dikenakan caj perkhidmatan sebanyak BND5.

Sementara permohonan serah sama ada melalui perkhidmatan serah TPK atau perkhidmatan serah tukar milik kenderaan kurang daripada tempoh 12 bulan daripada tarikh surat berjaya dikeluarkan, permohonan yang dibenarkan akan dikenakan caj perkhidmatan sebanyak BND100.

Bagi permohonan serah sama ada melalui perkhidmatan serah TPK atau perkhidmatan serah tukar milik kenderaan yang telah diproses dan dibenarkan, caj perkhidmatan tidak akan dikembalikan (*non-refundable*).

JPD sukacita ingin mengucapkan tahniah kepada semua penender yang berjaya dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua penender atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Bagi sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi JPD semasa waktu pejabat melalui WhatsApp +673 7181641 atau e-mel hello@jpd.gov.bn.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang www.jpd.gov.bn dan Instagram @jpd.bn bagi maklumat lanjut.

SOLAT MENAJAMKAN OTAK, MENGUATKAN JIWA

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam hadir selaku tetamu kehormat pada Tadabbur Khas sempena memperingati Israk dan Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah (kanan), manakala gambar atas dan bawah, antara yang hadir pada acara berkenaan.

TUNGKU LINK, Jumaat, 31 Januari. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui Unit Perkhidmatan Rohani dan Masyarakat, Bahagian Hal Ehwal

Pelajar (SAS) mengadakan Tadabbur Khas sempena memperingati Israk dan Mikraj bagi Tahun 1446 Hijrah.

Tadabbur bertajuk 'Sembahyang



Mencerdaskan Minda' itu disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid.

Dalam inti pati ceramah tersebut, beliau menekankan tentang pentingnya solat dalam menajamkan otak, menguatkan jiwa dan memperdalam lagi pemahaman agama dalam kita kehidupan sehari-hari.

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara yang berlangsung di

Masjid UBD ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

Acara ini bertujuan untuk memperkuatkannya lagi ikatan di antara pelajar dan kakitangan UBD di samping memberikan peluang untuk memperdalam tentang pemahaman dan pemikiran yang

mendalam terhadap peristiwa penting Israk dan Mikraj.

Untuk maklumat lanjut berkaitan acara-acara akan datang atau sumber pelajar, sila layari laman sesawang rasmi UBD atau Instagram @ubdbuzz @studentaffairsudb.



TADABBUR disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas, Unit Kaunseling dan Kefahaman Agama (KAFA), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Yussof bin Haji Abdul Majid.

Perkukuh penghayatan beragama melalui peristiwa Israk Mikraj



YANG Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohd. Ali serta Ahli-ahli BASMIDA hadir menyertai Majlis Tazkirah sempena memperingati Israk Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

ANGGEREK DESA, Jumaat, 31 Januari. - Acara-acara sempena memperingati peristiwa agung Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam terus disemarakkan oleh pelbagai pihak di negara ini bertujuan bagi mengambil iktibar dan pengajaran daripada peristiwa

berkenaan.

Sehubungan itu, Kumpulan Dikir dan Tausyeh Persatuan Basmi Dadah (BASMIDA) (Wanita) mengadakan Majlis Tazkirah sempena memperingati Israk Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berlangsung di Ibu Pejabat

BASMIDA, Kampung Anggerek Desa, di sini.

Hadir menyertai majlis berkenaan ialah Yang Dipertua BASMIDA, Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohd. Ali serta Ahli-ahli BASMIDA lainnya.

Tazkirah bertajuk 'Keutamaan Kewajipan Sembahyang Wajib lima

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

Waktu Sehari' dan 'Menghalusi Bacaan Dalam Sembahyang' disampaikan oleh Pegawai Ugama dari Pusat Da'wah Islamiah, Dayang Nornikmah binti Haji Idris.

Antara pengisian ceramahnya, Dayang Nornikmah mengongsikan bahawa penyariatan sembahyang lima waktu merupakan perkara paling penting yang berlaku semasa peristiwa Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan ia menekankan betapa pentingnya kewajipan sembahyang dalam kehidupan seseorang Muslim yang merupakan Rukun Islam kedua.

Peristiwa Israk dan Mikraj memperlihatkan kepentingan dan keutamaan sembahyang fardhu yang menjadi perintah utama kerana ia menjadi ibu segala amal ibadah, wajib dilaksanakan sama ada semasa sihat atau sakit dan menjadi tonggak kekuatan agama.

Sembahyang juga jelasnya adalah sebagai tanda kesyukuran kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas segala kurniaan

rezeki, kebahagiaan, kesihatan dan sebagainya.

Bukan itu saja, sembahyang juga adalah ibadat yang dapat menenangkan jiwa bagi hamba-hamba-Nya yang melaksanakannya dengan penuh khusyk dan sesiapa yang menunaikan sembahyang pada awal waktu akan mendapat keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Acara juga diselanjurkan dengan Sembahyang Fardu Asar Berjemaah, diikuti dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dan Doa Penutup dipimpin oleh Dayang Hajah Asmah binti Paidin. Majlis juga diisikan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi empat Ahli BASMIDA dan keluarga Ahli BASMIDA yang telah kembali ke rahmatullah.

Melalui penganjuran majlis ini, ia dihasratkan untuk memperkuatkannya lagi penghayatan beragama dengan mengambil pengajaran-pengajaran daripada peristiwa Israk dan Mikraj ini.

TERUS MENDALAMI, MEMPERBAIKI BACAAN AL-QURAN



Berita dan Foto : Ihsan Haji Awang Hasbollah Damit



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Majlis Apresiasi Sahabat Murattal Bil-Quran dianjurkan baru-baru ini untuk mengumpulkan sahabat-sahabat dalam satu majlis silaturahim bagi memberi penghargaan kepada mereka yang berkesudian untuk mengikuti Kelas Murattal setiap pagi selepas Solat Fardu Subuh Berjemaah di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar,

dan program-program di bawahnya seperti Program Membaca Al-Quran Satu Minggu Satu Juzuk (1M1J) dan Satu Hari Satu Halaman (1H1H), sama ada yang terlibat secara fizikal maupun dalam talian.

Majlis berkenaan dihasilkan untuk mengungkapkan kesyukuran dan sebagai tanda penghargaan atas kesungguhan sahabat-sahabat pencinta Al-Quran untuk tetap giat mempelajari bidang Al-Quran

walaupun sudah meningkat usia. Selain itu, usaha mendalami dan memperbaiki bacaan Al-Quran merupakan suatu keazaman yang sangat terpuji yang perlu dipelihara dengan iltizam dan istiqamah.

Dalam kesempatan itu juga, pengajar mengimbau kembali perjalanan dalam sama-sama melaksanakan aktiviti dan program keagamaan di MRSB, Kampung Sungai Akar sepanjang hampir 10

SEKITAR Majlis Apresiasi Sahabat Murattal Bil-Quran dianjurkan baru-baru ini (atas dan atas kiri).

tahun.

Majlis dimeriahkan lagi dengan Persembahan Tarannum, Murattal, Selawat dan tayangan video aktiviti-aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan para jemaah MRSB, Kampung Sungai Akar.

Semoga semakin ramai lagi ahli masyarakat daripada pelbagai umur dapat mengambil manfaat untuk mengikuti Kelas Murattal dan lain-lain kelas pengajian yang dikendalikan oleh Takmir MRSB, Kampung Sungai Akar.

Forum hayati peristiwa Israk, Mikraj Rasulullah



Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Masjid Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Khamis, 30 Januari. - Seramai 100 orang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi Universiti Brunei Darussalam (UBD), jemaah masjid Ahli Jawatankuasa (AJK) Masjid dan Kumpulan Muslimah Masjid UBD menghadiri forum sempena Israk dan Mikraj yang berlangsung di masjid berkenaan, baru-baru ini.

Forum bertajuk 'Hayati Peristiwa Israk dan Mikraj Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam' dikendalikan oleh Pengasas Syarikat Sofwah, Muhamad Waqiyuddin Fakhri bin Haji Damit selaku moderator.

Forum tersebut menampilkan dua ahli panel iaitu Profesor Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dato' Dr. Haji Zulkifly bin Haji Muda dan Penolong Kanan Profesor dan Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengajaran Jawi dan Kitab Turath Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Harapandi bin Dahri.

Tujuan forum ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan dan penerangan kepada masyarakat akan pentingnya ilmu pengetahuan yang terdapat dalam peristiwa Israk dan Mikraj Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping meningkatkan kecintaan kepada Baginda Rasulullah.



FORUM tersebut menampilkan dua ahli panel iaitu Profesor Fakulti Syariah, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dato' Dr. Haji Zulkifly bin Haji Muda dan Penolong Kanan Profesor dan Pengarah Pusat Penyelidikan dan Pengajaran Jawi dan Kitab Turath Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dr. Awang Haji Harapandi bin Dahri (atas kiri), manakala gambar atas kanan dan bawah kiri, antara yang hadir pada forum berkenaan.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kesan Media Sosial Kepada Kanak-Kanak'. Tarikh Tutup : 5 Februari 2025
2. 'Muhasabah Diri Amalan Terpuji'. Tarikh Tutup : 12 Februari 2025
3. 'Semai Semangat Patriotisme'. Tarikh Tutup : 19 Februari 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaraf jarak langkah **dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

**Menangi
BND'75**

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

KURSUS BANTU TINGKATKAN PENGETAHUAN BAKAL JEMAAH HAJI

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim



ANTARA yang menyertai Kursus Ibadat Haji dan Umrah khusus bagi bakal jemaah haji yang akan menunaikan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

TUTONG, Jumaat, 31 Januari. - Kursus Ibadat Haji dan Umrah khusus bagi bakal jemaah haji yang

akan menunaikan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bagi sesi kelima diteruskan lagi pagi ini.

Kursus berkenaan diadakan secara serentak di pusat-pusat kursus yang terpilih di keempat-empat daerah bermula pada 17 Januari lalu dan berakhir pada 16 Februari 2025.

Sebanyak 10 sesi akan dijalankan pada setiap Jumaat dan Ahad dari pukul 8.00 pagi hingga 10.30 pagi di tujuh buah pusat kursus yang terpilih di keempat-empat daerah dan bagi Daerah Tutong, pusat kursus adalah di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, di sini.

Lokasi kursus yang menjadi tumpuan Pelita Brunei hari ini bagi membuat tinjauan suasana kursus

dijalankan di sekolah berkenaan dan berkesempatan menemu bual para bakal jemaah haji bagi musim haji pada tahun ini.

Dayang Mardianah binti Said, berusia 42 tahun dari Kampung Lamunin melahirkan rasa syukur kerana terpilih untuk menunaikan ibadah haji pada tahun ini bersama kedua-dua ibu bapa dan adik beliau.

"Saya rasa sangat bersyukur dan melahirkan perasaan gembira serta menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah memberi peluang dan kemudahan kepada rakyat Negara Brunei Darussalam.

"Saya juga berasa sangat terharu, walaupun begitu lama menunggu giliran untuk menunaikan ibadah haji dan setelah menghadapi pelbagai rintangan seperti pandemik COVID-19 dan akhirnya tercapai juga untuk mengerjakan ibadah haji pada tahun ini dan berdoa semoga dipermudahkan segala urusan kami baik sebelum dan semasa mengerjakan ibadah haji itu nanti," tambahnya.

"Dalam kursus tersebut banyak yang telah dipelajari terutama sekali dalam cara-cara mengerjakan sembahyang dan bacaan-bacaan yang perlu serta Manasik Haji, yang mungkin sebelumnya ada yang kurang faham dan selepas menghadiri beberapa sesi kursus ini kefahaman itu semakin baik,"

ujarnya lagi ketika menyentuh mengenai kursus berkenaan.

Seorang lagi bakal jemaah haji, Awang Muhd. Zakwan bin Masli yang berumur 19 tahun berkata bahawa selepas menghadiri beberapa sesi Kursus Haji ini, beliau telah mempelajari cara-cara umrah dan haji dari awal sampai akhir yang telah diajarkan oleh tenaga pengajar kursus.

"Alhamdulillah, saya dan bapa saya terpilih bagi menunaikan haji pada tahun ini. Saya merafakkan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berdoa semoga kami mendapat haji yang mabruk walaupun ada cabaran-cabarannya dari awal semasa mula berniat untuk menunaikan ibadah haji," jelasnya.

Kursus tersebut dikendalikan oleh Jabatan Urusan Haji (JUH) melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah khusus bagi bakal jemaah haji yang akan menunaikan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1446H / 2025M.

Kursus Ibadat Haji dan Umrah diadakan untuk membantu bakal jemaah haji mempelajari, memahami dan meningkatkan pengetahuan mengenai Manasik Haji secara teori dan praktikal agar bakal jemaah dapat melaksanakan ibadat haji dengan teratur dan sempurna serta menyelaras dan menyeragamkan hukum-hakam berkaitan ilmu Manasik Haji, umrah dan ziarah.

Kursus berkenaan disampaikan oleh para pengkursus ibadat haji dan umrah yang dilantik daripada guru ugama terlatih dan pegawai



DAYANG Mardianah binti Said.

pelajaran, Jabatan Pengajian Islam; pensyarah dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), pegawai-pegawai dan imam-imam dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, para pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Pusat Da'wah Islamiyah serta Kementerian Hal Ehwal Ugama yang telah bersara dan mempunyai Sijil Tauliah dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Seperti lazimnya, kesemua bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan ibadat haji bagi tahun ini adalah dikehendaki mengikuti Kursus-kursus Ibadat Haji yang telah diaturkan di pusat-pusat yang telah ditetapkan.

Kursus berkenaan diharap dapat membekalkan bakal jemaah haji dengan ilmu Manasik Haji dan umrah secara betul, teratur dan sempurna dan seterusnya dapat membantu para jemaah mencapai dan mendapat haji yang mabruk.

Bakal jemaah haji juga disarankan untuk mengambil maklum dan perhatian serta mematuhi apa jua dasar dan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak berkenaan khususnya Kerajaan Arab Saudi.



AWANG Muhd. Zakwan bin Masli.

Mengukuhkan semangat solidariti, patriotik penuntut



SERAMAI 102 penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait menghadiri Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (kiri), manakala gambar bawah kiri, antara pelajar yang menerima hadiah semasa program berkenaan.



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Penerangan

BELAIT, Khamis, 30 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Cawangan Daerah meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Kuala Belait.

Seramai 102 penuntut Tahun 7 menghadiri taklimat yang

diadakan di bilik perpustakaan sekolah berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Pengetua sekolah berkenaan, Dayang Hajah Jumimah binti Haji Jumat, dan para tenaga pengajar.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir, selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait dan Pegawai Luar Penerangan, Dayang Zurairah binti Haji Lisa yang antara lain menyentuh mengenai raja,

sejarah dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara serta sejarah Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para penuntut juga menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera' dan berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Selain itu, ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

SENTIASA KHUSYUK DALAM SEMBAHYANG

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Januari. - Sembahyang dalam Islam adalah tiang atau tonggak agama dan ia juga merupakan amalan pertama sekali yang akan dihisab oleh Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat kelak nanti.

Sembahyang menjadi nadi hidup seorang mukmin yang dilaksanakan mengikut waktu dan tertib dan sebaiknya.

Dalam melakukan ibadah sembahyang, kita juga perlu menjaga kualiti sembahyang iaitu hendaklah ikhlas dan disertai dengan kekhusyukan.

Khusyuk dalam sembahyang mampu menyentuh dan mendidik hati untuk akur dan taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi baru-baru ini, baginda menekankan bahawa kunci kesempurnaan sembahyang ialah khusyuk dengan memelihara rukun serta tertibnya.

Titah baginda lagi, khusyuk dalam sembahyang menjadi tanda kejayaan orang-orang yang beriman, sebagaimana Allah

Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Mu'minun, ayat 1 hingga 2 tafsirnya : "Sesungguhnya berjaya orang-orang beriman iaitu orang yang khusyuk dalam sembahyang mereka".

Justeru, untuk mendapatkan kekhusyukan dalam sembahyang berkenaan hendaklah sentiasa membuat persediaan awal yang rapi daripada aspek fizikal dan rohani.

Berikut adalah beberapa perkara yang boleh dilakukan dalam membantu menimbulkan khusyuk dalam sembahyang, iaitu sembahyang pada awal waktu. Dengan itu, hati dan perasaan menjadi tenang dan kita tidak terburu-buru tiba-tiba waktu

■ Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

sembahyang.

Selain itu, kekhusyukan dalam sembahyang juga dengan memahami setiap bacaan dalam sembahyang disertai dengan tamakniah antara rukuk dan sujud.

Mengingat akan kematian juga sebagai salah satu cara menimbulkan kekhusyukan dalam sembahyang. Dengan itu, ia akan mendatangkan rasa untuk melakukan yang terbaik kerana masa semakin singkat ketika mana memikirkan kematian yang semakin mendekat.

Kita juga perlu menghadirkan

rasa takut dan gerun kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta sentiasa menaruh harapan agar amalan sembahyang kita akan diterima oleh-Nya.

Justeru, sehebat mana pun kita di dunia ini, hidup kita tidak akan sempurna tanpa sembahyang.

Janganlah berhenti berusaha untuk meraih khusyuk dalam sembahyang demi menjadikan sembahyang yang sempurna dan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Semoga kita sentiasa berusaha meningkatkan kekhusyukan dalam mendirikan sembahyang.

Ambil langkah berjaga-jaga semasa banjir



BEBERAPA kawasan rendah juga terjejas oleh banjir dengan sebahagian jalan raya turut ditenggelami air dan tidak dapat dilalui oleh kenderaan biasa (atas dan bawah kanan).

■ Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Januari. - Hujan lebat yang berterusan sejak beberapa hari lalu telah mengakibatkan peningkatan paras air sungai yang menyumbang kepada faktor

berlakunya banjir sehingga menjelaskan beberapa kawasan di negara ini terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman.

Beberapa kawasan rendah juga terjejas oleh banjir dengan

sebahagian jalan raya turut ditenggelami air dan tidak dapat dilalui oleh kenderaan biasa.

Oleh itu, penduduk di kawasan yang terlibat atau berisiko banjir dinasihatkan supaya sentiasa mengambil langkah berwaspada bagi mencegah dan menghindarkan sebarang kemalangan, kecederaan dan kemungkinan berlakunya pelbagai penyakit berjangkit bawaan makanan dan air seperti kolera, cirir-birit, keracunan makanan dan penyakit-penyakit bawaan vektor seperti demam denghi dan sebagainya.

Orang ramai juga diingatkan agar sentiasa berhati-hati semasa memandu, berjalan kaki, berbasikal dan mendaki bukit, terutama sekali semasa keadaan cuaca yang tidak menentu, dihuatiri pokok tumbang yang boleh mendatangkan bahaya.

Dalam masa yang sama, orang ramai turut disarankan untuk tidak melakukan aktiviti-aktiviti di air atau pantai, di samping tidak meletakkan kenderaan di kawasan berdekatan dengan kawasan yang berisiko, seperti di bawah pokok, tiang elektrik atau mana-mana objek yang tinggi.

Pastikan juga semua suis elektrik dimatikan dan cabut plug barang elektronik di rumah, seperti peti sejuk, televisyen, radio, modem, komputer dan barang lain ketika hujan lebat yang diiringi petir.

Selain itu, pastikan barang elektrik dan barang penting lain diletak di aras yang lebih tinggi supaya tidak dibawa arus air sekiranya berlaku banjir.

Jangan sesekali memandu kenderaan mengharungi air banjir

kerana ia boleh membahayakan nyawa dan merosakkan kenderaan. Jika kenderaan terperangkap di dalam air banjir, segera keluar dan tinggalkan kenderaan sebelum paras air naik ke paras yang lebih tinggi.

Jangan sesekali cuba merentasi air banjir ketika hujan kerana kadar penglihatan pada ketika itu sangat rendah dan mungkin boleh tergelincir ke dalam parit, longkang, lubang dan sebagainya. Kenal pasti kawasan yang lebih tinggi di persekitaran dan ketahui laluan pantas untuk keluar dari kawasan yang ditenggelami banjir.

Kejadian banjir juga membawa risiko ancaman kepada kehadiran binatang liar dan berbisa seperti ular, kala jengking dan juga buaya. Justeru itu, orang ramai dinasihat untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan jangan mandi-manda atau bermain air banjir.

Dalam keadaan semasa dan selepas berlakunya banjir, orang ramai dinasihat untuk mengambil langkah perlu termasuk memastikan bekalan air sentiasa bersih dan tidak tercemar, memastikan air minuman dimasak terlebih dahulu atau meminum air botol, memasak semua makanan dengan sempurna, mengutamakan kebersihan diri, khususnya membasuh tangan dengan air bersih dan sabun selepas menggunakan tandas.

Orang ramai juga perlu menitikberatkan kebersihan persekitaran tempat tinggal dan kawasan yang berdekatan serta mengutamakan keselamatan, khususnya kanak-kanak agar tidak menantu.

Bagi sebarang bantuan kecemasan, hubungi Talian Jabatan Bomba dan Penyelamat 995 atau Pasukan Polis Diraja Brunei 993.



Jangan Memandu Dibawah Pengaruh

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt No mobile phones while driving Speeding is dangerous Do not drive under influence Wear helmet and proper attire while riding Always watch out for other road users Always check tyres

#YOUandME

www.mkkjr.gov.bn

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada
1 Sya'ban 1446H/31 Januari 2025M

Memelihara Kesihatan Akal



Takrif kesihatan mengikut Pertubuhan Kesihatan Sedunia:

Kesihatan adalah satu keadaan merangkumi kesihatan secara fizikal, mental dan sosial dan tidak hanya ketiadaan penyakit

EFEK GANGGUAN MENTAL

Menyebabkan seseorang merasa:



Resah, murung, celaru, gugup, cemas, takut, tertekan dan sebagainya



Perubahan sikap seperti berdiam diri, enggan bergaul, mudah marah, hilang tumpuan serta hilang kewarasan

Jika tidak dibendung/dirawat, boleh membawa kepada tindakan lebih buruk sehingga melakukan perbuatan-perbuatan yang mencederakan ahli keluarga, orang sekeliling, malah menjelaskan keharmonian hidup bermasyarakat

ANTARA PUNCANYA

Masalah sosio-ekonomi

Kesempitan dan beban hidup

Mengalami pengalaman buruk

Terdedah kepada suasana dan persekitaran hidup yang tidak bersih dan tidak sihat

Terpinggir daripada sokongan keluarga

Tekanan di tempat kerja

Pengambilan minuman keras serta ketagihan dadah

Tabiat makan yang buruk

Kurang melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan kekeluargaan dan kemasyarakatan

APA YANG BOLEH KITA BUAT

- 1 **Mengamalkan tabiat hidup** yang telah diatur dengan baik menurut **ketetapan dan kehendak syarak** iaitu **Maqasid Syariah**
- 2 **Menjaga makan minum** dengan bahan makanan yang seimbang, **tidur** dan waktu **rehat** yang cukup, **beriadah** serta memiliki **tingkah laku yang baik**
- 3 **Mengongsikan permasalahan** dengan pihak lain seperti **ibu bapa**/mereka yang boleh **dipercayai**
- 4 **Mengisi jiwa dan rohani** dengan **ilmu yang berfaedah**
- 5 Memperbanyak **amalan** yang boleh mendekatkan diri kepada Allah SWT
- 6 Selalu **bersangka baik dengan Allah SWT** apabila ditimpa masalah
- 7 **Mengamalkan sifat ihsan** yang bersedia membantu meringankan beban orang lain
- 8 **Menghulurkan bantuan** kepada mereka yang mengalami gangguan emosi dengan mendapatkan **khidmat pakar** atau setidak-tidaknya **memberikan nasihat** dan **membantu menenangkan hati dan perasaan mereka**

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan,
Jabatan Hal Ehwal Masjid,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Islam adalah agama rahmat kepada seluruh alam (بِرَّةُ الْعَالَمِينَ) yang memberi penekanan kepada semua aspek kehidupan termasuklah dalam hal menjaga kesihatan tubuh badan, pemeliharaan akal dan kesihatan mental. Oleh itu, amat mustahak untuk kita semua menyedari tentang pentingnya kesedaran terhadap penyakit mental, memelihara tahap kesihatan mental yang baik dan mengenal pasti gejala-gejala masalah kesihatan mental yang memerlukan perhatian dan rawatan.

Kita juga perlu mengetahui bahawa definisi kesihatan secara menyeluruh tidak hanya tertumpu pada kesihatan fizikal semata-mata tetapi turut merangkumi kesihatan mental. Mengikut takrif Pertubuhan Kesihatan Sedunia : "Kesihatan adalah satu keadaan merangkumi kesihatan secara fizikal, mental dan sosial dan tidak hanya ketiadaan penyakit".

Secara umumnya, kesihatan mental

Memelihara kesihatan akal

menggambarkan tahap kesejahteraan pemikiran dan emosi seseorang individu. Masalah kesihatan mental bukanlah bermakna gila atau kurang siuman. Kesihatan mental adalah cara manusia berfikir, merasa, berkelakuan dan berinteraksi dengan orang lain.

Kesihatan mental amat penting diberikan perhatian. Lazimnya seseorang yang sihat mentalnya akan sentiasa menunjukkan sifat-sifat positif seperti mudah bergaul, beramah mesra, berkeyakinan tinggi, bijak mengurus dan berupaya mengendalikan sesuatu masalah secara bijaksana. Sebaliknya gangguan mental menyebabkan seseorang merasa resah, murung, celaru, gugup, cemas, takut, tertekan dan sebagainya yang mengakibatkan berlakunya perubahan sikap seperti berdiam diri, enggan bergaul, mudah marah, hilang tumpuan serta hilang kewarasannya. Jika tidak dibendung atau tidak dirawat, gangguan mental boleh membawa kepada tindakan lebih buruk sehingga melakukan perbuatan-perbuatan yang mencederakan ahli keluarga, orang sekeliling, malah menjadikan keharmonian hidup bermasyarakat.

Antara punca yang mendorong kepada berlakunya gangguan mental ialah masalah sosioekonomi, kesempitan dan beban hidup, mengalami pengalaman buruk, terdedah kepada suasana dan persekitaran hidup yang tidak bersih dan tidak sihat, terpinggir daripada sokongan keluarga, tekanan di tempat kerja, pengambilan minuman keras serta ketagihan dadah, tabiat makan yang buruk dan kurang melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan kekeluargaan dan kemasyarakatan.

Menurut Islam, kesihatan akan dapat dipelihara dengan baik jika manusia mengamalkan tabiat hidup yang telah diatur dengan baik menurut ketetapan dan kehendak syarak iaitu Maqasid Syariah. Kesihatan akan terpelihara jika manusia mengamalkan budaya hidup yang dapat membantu membangunkan minda dan tubuh badan yang sihat melalui menjaga makan minum dengan bahan makanan yang seimbang, tidur dan rehat yang cukup, beriadah serta memiliki tingkah laku yang baik.

Segala permasalahan perlu dikongsi dengan pihak lain seperti ibu bapa atau mereka yang boleh dipercayai, agar masalah tidak menjadi tekanan kepada diri yang seterusnya boleh mendorong kepada kejadian yang tidak diingini.

Harus juga diingat, menjaga kesihatan dalam Islam bukanlah sekadar luaran sahaja tetapi perihal dalaman (rohani) juga harus dititikberatkan. Jiwa yang tidak diisi dengan ilmu yang berfaedah akan terasa kosong dan akhirnya akan mencari sesuatu yang tidak baik sebagai mengisi kekosongan di dalamnya.

Oleh itu, perbanyaklah amalan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala seperti membaca Al-Quran, berzikir, menuaikan sembahyang sunat, bermunajat, berpuasa, bersedekah dan berdoa memohon pertolongan yang Maha Esa. Dengan mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, hati akan dipenuhi ketenangan dan pasrah kepada segala ketentuan dan ketetapan-Nya. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ar-Ra'd, ayat 28 :

Tafsirnya : "(laitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka tenteram dengan zikrullah (mengingat Allah Subhanahu Wata'ala). Ketahuilah dengan zikrullah itu hati menjadi tenteram".

Selain itu, apabila ditimpa masalah, selalulah bersangka baik dengan Allah Subhanahu Wata'ala kerana ujian yang menimpakan bertujuan untuk menguji keimanan dan pergantungan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta percaya bahawa ada hikmah di sebalik sesuatu kejadian.

Tekanan dan beban hidup seseorang boleh dikurangkan jika masyarakat mengamalkan sifat ihsan yang bersedia membantu meringankan beban orang lain. Sebagai contoh isteri yang baru melahirkan anak memerlukan tempoh masa untuk kembali sihat secara mental, emosi dan fizikal. Ketika itu, para suami dan ahli keluarga sepatutnya tampil mempermudahkan segala urusan, terutama keperluan ibu dan anak.

Anak-anak tidak boleh dipaksa atau ditekan untuk melakukan perkara di luar kemampuan dan minat mereka, sebaliknya

anak-anak hendaklah diberikan bimbingan untuk memilih apa sahaja bidang yang mereka mahu ceburi, berdasarkan bakat, keupayaan dan minat mereka, asalkan memberi manfaat.

Hulurkanlah bantuan kepada mereka yang mengalami gangguan emosi dengan mendapatkan khidmat pakar pesakit mental, pakar kaunseling atau setidak-tidaknya memberikan nasihat dan membantu menenangkan hati dan perasaan mereka.

Kepentingan menjaga kesihatan jelas terbukti apabila Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri sentiasa memohon kesempurnaan kesihatan sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud bahawa Abdullah bin Umar Radiallahuunha berkata : Rasulullah tidak meninggalkan doa-doa berikut pada setiap waktu petang dan pagi iaitu :

Maksudnya : "Ya Allah aku memohon kesempurnaan kesihatan dalam urusan dunia dan akhirat, ya Allah aku memohon keampunan dan kesempurnaan kesihatan dalam urusan agamaku, duniaku, keluargaku hartaku. Ya Allah! Tutupilah aibku dan berilah ketenteraman di dalam hatiku. Ya Allah! Jagalah aku dari depan, belakang, kanan, kiri dan atasku serta aku memohon perlindungan dengan keagungan-Mu agar tidak disambar (dalam keadaan tidak sedar) dari bawahku".

Oleh yang demikian, sama-sama kita mengamalkan gaya hidup sihat seperti penjagaan pemakanan yang seimbang, bersenam, mengawal tekanan perasaan dan menghindarkan diri daripada terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang negatif dan berisiko. Di samping itu, sentiasalah berdoa memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar kehidupan kita sentiasa dilindungi dan dikurniakan kesihatan yang baik zahir dan batin. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan Tuhan kamu berfirman : "Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadah kepada-Ku akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina". (Surah Ghafir, ayat 60)

Penutupan sementara stesen minyak

BIL.	TARikh & Waktu PENGUJIAN	ALAMAT/TEMPAT PENGUIAN	DAERAH
1	4 Februari 2025 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Koperasi Perniagaan dan Perusahaan Melayu Berhad	Brunei Muara
2	5 Februari 2025 (Rabu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Ikatan Teluk Mewah	
3	6 Februari 2025 (Khamis) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Bebatik	
4	8 Februari 2025 (Sabtu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Masjory	
5	10 Februari 2025 (Isrin) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Mabohai	
6	11 Februari 2025 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak 59 Sdn Bhd (Riverine Station Kampong Buang Sakar)	
7	18 Februari 2025 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Koperasi Persatuan Kampong Lubuk Pulau (KOPEKLAP) Dengan Tanggungan Berhad	Tutong
8	19 Februari 2025 (Rabu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Telisai Sdn Bhd	Tutong
9	20 Februari 2025 (Khamis) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak SEPAKAT	Belait
10	27 Februari 2025 (Khamis) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Negalang Maju Sdn Bhd	Temburong

Siaran Akbar dan Infografik :
Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Januari. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan

Ekonomi akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan ke atas alat sukatan jenis pam minyak di stesen-stesen minyak.

Hari itu adalah hari terakhirnya menaiki basikal.

Lelaki, 49 tahun

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada Awda dan Saya

سورو هنجاي فر خدمتن عوام
SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KECOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan iklan akan ditolak.

- 1 Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 2 Lengkapkan Kelulusan (Bepelajaran / pengukuhan walaupun / lulus kelulusan)
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (PSCR 2.0) yang termasuk dalam pengurusan Tajuk Ketergalasian Pengiktirafan Kelulusan (PKPK) yang termasuk
- 4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 5 Lengkapkan Maklumat berikut mengikut peraturan dan perintah kerajaan / lulusan-kelulusan / pengalaman profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skim iklan



+673 7371961

PSC.BN



query@spa.gov.bn



PSC.BN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEGAWAI PENYELIDIK KANAN B.3 (BAHAGIAN II) PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI, JABATAN PERDANA MENTERI 2025/JAN/07/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	38(A)	08 FEBRUARI 2025
2. PEGAWAI UGAMA KANAN B.3 (BAHAGIAN II) JABATAN PENTADBIRAN, KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA 2024/DEC/01/KHEU	KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA	01	38(A)	08 FEBRUARI 2025
3. PENOLONG PESURUHJAYA BURUH B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) JABATAN BURUH, KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI 2025/JAN/05/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI	01	7(A)	08 FEBRUARI 2025
4. PEMBANTU KERJA KANAN KEMAJUAN PERUMAHAN C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2025/JAN/05/KPG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	01	7(A)	08 FEBRUARI 2025
5. PEGAWAI IMIGRESEN D.1-2 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN, KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI 2025/JAN/08/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI	11	7(A)	08 FEBRUARI 2025

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0. KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANAN KERAJANAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN T/A SAHaja.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN.



JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran:

JKP / SH / 2024 – 2025 / 39

Tajuk Tawaran:
"Lawatan Suai Kenal Bagi Lawatan Ejen-Ejen Pelancongan Daripada Balikpapan, Indonesia Pada 19 - 22 Februari 2025"

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
6 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:

JKP / SH / 2024 – 2025 / 40

Tajuk Tawaran:
"Event Management Services for Brunei Coffee Trail Promotion Event in Miri, Sarawak, Malaysia"

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis,
6 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.



JAWATAN KOSONG / IKLAN



JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Tawaran :
JPi / 01 / 2025

Tajuk :
To Conduct Carrying Capacity Assessment for Sustainable Aquaculture at Current Fish Cage Culture Inshore Sites, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup
Sebut Harga :
Selasa,
8 April 2025.
Jam 2.00
Petang.



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0058 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Daily General Cleaning Services at Headquarters, Department of Fisheries for The Period of Twelve (12) Months

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0059 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Cleaning Services at Temburong District Fisheries Office, Labu And Ujung Jalan Control Post Office for Period of Twelve (12) Months, Department of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0060 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
kerja-kerja perkhidmatan pembangunan dan pengangkutan sampah untuk tempoh selama dua belas (12) bulan bagi jabatan perikanan

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0061 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Operate and Maintenance Services of Raw Sea Water Pump

System at Serasa Pump House and Broodstock Development Centre (BDC) Reservoir Pond Pump For Period Of Twelve (12) Months, Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0062 / 2024

Tajuk Sebut Harga:
Operate and Maintenance Services of Raw Seawater Pump System at Keramut Telaisi Tutong Station, Department of Fisheries for Period of Twelve (12) Months

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis, 20 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Tawaran Rancangan Pemakanan Sekolah Dan Program Harapan

MOE / LTK / 109 / 2024 / 2025

[DA(BPPA-JAN-2025)]

MOE / LTK / 109 / 2024 / 2025

[DA(BPPA-JAN-2025)]

Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan

Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :

1. Sekolah Rendah Berakas Garrison

2. Sekolah Rendah Pantai Berakas

Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara.

Kod Blok : SM / 08

Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Kod Blok : SM / 23

Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 106 / 2024 / 2025

[DA(BPPA-JAN-2025)]

MOE / LTK / 106 / 2024 / 2025

[DA(BPPA-JAN-2025)]

Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan

Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :

1. Sekolah Rendah Bebuloh

2. Sekolah Rendah Kasat

3. Sekolah Rendah Putat

4. Sekolah Rendah Nakhoda Abdul Rashid, Menunggol

5. Sekolah Rendah Tanjong Kindana

Kementerian Pendidikan, Daerah Brunei Muara.

Kod Blok : SM / 27

Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

MOE / LTK / 107 / 2024 / 2025

[DA(BPPA-JAN-2025)]

MOE / LTK / 107 / 2024 / 2025

[DA(BPPA-JAN-2025)]

Tawaran Membekal Dan Menghantar Keperluan

Rancangan Pemakanan Sekolah Bahagian Skim Minum Bagi :

1. Sekolah Rendah Lamunin

2. Sekolah Rendah Rambai

Kementerian Pendidikan.

Daerah Tutong.

Kod Blok : PH/T5

Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 109 / 2024 / 2025 Dan MOE / LTK / 110 / 2024 / 2025 :

BND30.00

[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

MOE / LTK / 111 / 2024 / 2025

[DA(BPPA-JAN-2025)]

MOE / LTK / 111 / 2024 / 2025

[DA(BPPA-JAN-2025)]

Tawaran Membekal Dan Menghantar Jamuan Harian Minuman Kotak Tenusu Bagi Program Harapan :

1. Sekolah Rendah Pintu Malim

2. Sekolah Rendah Sultan Abdul

Bubin, Sg. Besar

3. Sekolah Rendah Batu Marang

Kementerian Pendidikan.

Daerah Brunei Muara.

Kod Blok : PH / ST3

Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 106 / 2024 / 2025 Hingga MOE / LTK / 108 / 2024 / 2025 :

BND50.00

[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Bagi MOE / LTK / 111 / 2024 / 2025 :

BND10.00

[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

Tarikh Tutup Dan Waktu :
4 Februari 2025.
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



JABATAN
PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Bilangan Tawaran:

69 / JPD / JKSH / 2024-2025

Tajuk Projek:
Sebut Harga Bagi Menaiktarafkan Laman Sesawang Jabatan Pengangkutan Darat



JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN
PELANCONGAN

Tawaran:
JPH / SD09A / 001002 / 2115 /
TAW390 / 2024-2025
Membina Bangunan Opis
Taman Rekreasi Hutan
Bukit Patoi, Daerah Temburong

Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):
BND10.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Yuran Tawaran:
BND35.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 11 Februari 2025.
2.00 Petang.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA /
FY2024 / T / GEN / 003
[JPPK / LTN / 12 / 2023]
Kerja-Kerja Pembinaan dan
Pemeliharaan 15 Unit Di Pangsa
Idaman, Jalan Batu Satu

Tarikh Mula Tawaran:
20 Januari 2025

Kelas:
IV dan ke Atas Sahaja

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sembilan (09) Bulan

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah dua (2)
minggu sebelum tarikh tutup
tawaran, iaitu
Selasa, 4 Februari 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
18 Februari 2025.
2.00 Petang.



JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam

Kelas:
II, III, IV & V

Kategori:
S02

Tarikh Buka Tawaran pada:
20 Januari, 2025.
(Isnin)

Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:
11 Februari 2025.
(Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
18 Februari, 2025.
(Selasa)
Sebelum
Jam 2.00 Petang.

(Di Tutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil,
di Tingkat Bawah Bangunan
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T015 / 2024
Servis Kerja-Kerja Pemotongan
Rumput Di Kawasan Daerah
Brunei Muara Bagi Tempoh
Dua (2) Tahun
(FSOR).

No. Projek:
JASTRE / BL / T015 / 2024

Jumlah Yuran
Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)



Sebut Harga Bagi :
To Remove Existing,
Supply And Install New roller
Shutter At Balai Bomba
Bandar Seri Begawan
(RUJ: JBP / TSH / 66 /
2024 - 2025)

Sebut Harga Bagi :
Kontrak Berpenggal Bagi
Kerja-Kerja Pemotongan Rumput,
Pemotongan Dahan Pokok Dan
Membersihkan Longkang
Kawasan Dan Sekitar Kawasan
Ibu Pejabat Jabatan Bomba Dan
Penyelamat, Jalan Lapangan
Terbang Lama, Berakas Bagi
Tempoh 12 Bulan - (RUJ: JBP /
TSH / 67 / 2024 - 2025)

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
13 Februari 2025.
(1.50 Petang)

Yuran Tawaran:
BND5.00



Tajuk Sebut Harga:
RTB / K / 145 / 24 - 25
Pembekalan, Pembuatan,
Pemasangan dan Pembongkaran
Set Rancangan Rampai Pagi
Edisi Khas Hari Raya Aidilfitri
2025

Bayaran Yuran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00
(Jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 5 Februari 2025.
Jam 2.00 Petang.



JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI

Tajuk Tawaran:
Replacement and Commissioning
of Protection Relays For 66KV
Networks Selective Feeders
Statewide

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 078 / 2024

Tarikh Tutup:
Selasa,
25 Februari 2025.
2.00 Petang.

Tempat Tutup:
“Tender Box”
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Pembekalan, Penghantaran,
Pemasangan Dan Pengujian
Peralatan Mesin Pencetak
Berwarna Bagi Kegunaan
Jabatan Kastam Dan Eksais
Diraja Kementerian Kewangan
Dan Ekonomi

Rujukan Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPICT /
BPPK / Q / 2024-36

Tarikh Tutup
Sebut Harga :
Selasa
18 Februari 2025
Jam 2.00
Petang



PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



- IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

WeCare hulur bantuan kepada yang memerlukan



PERSATUAN KamiPrihatin (WeCare) dengan kerjasama Kumpulan Belia Syababurroja Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah semasa menganjurkan - Projek School Supply Drive 3.0 (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan KamiPrihatin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Projek School Supply Drive 3.0 yang dikelolakan oleh Persatuan KamiPrihatin (WeCare) dengan kerjasama Kumpulan Belia Syababurroja Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, diadakan baru-baru ini di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong.

Seramai 46 kanak-kanak daripada 15 buah keluarga dipilih untuk menerima bantuan berkenaan.

Objektif projek berkenaan adalah untuk menyokong pelajar yang kurang berasib baik di peringkat sekolah rendah dan menengah. Projek berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha berterusan WeCare untuk

memberi bantuan kepada komuniti yang memerlukan, dengan fokus utama terhadap keperluan pendidikan bagi kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah.

Projek berkenaan dibahagikan kepada dua fasa iaitu fasa pertama adalah penyediaan dan pengagihan bekalan sekolah yang telah dilaksanakan pada Disember 2024. Manakala fasa kedua adalah sebuah Majlis Ceramah Motivasi yang bertujuan untuk memberi inspirasi dan meningkatkan semangat kepada kanak-kanak yang menerima bantuan pada fasa pertama yang dilaksanakan pada 29 Januari 2025.

Persatuan WeCare sangat berharap dengan kerjasama

Kumpulan Belia Syababurroja Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, pelaksanaan Projek School Supply Drive 3.0 akan memberi impak positif kepada kanak-kanak dan keluarga yang kurang berasib baik, sambil memberikan mereka dorongan moral dan material untuk terus berjaya dalam bidang pendidikan.

Sehubungan dengan itu, WeCare tidak lupa untuk mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama yang diberikan. Semoga Allah merahmati dan memberkati setiap usaha dan pertolongan daripada mana-mana pihak yang terlibat.

Untuk informasi yang lebih lanjut, ikuti sosial media @WeCare.bn dan @syababurroja ataupun hubungi Talian Hotline WeCare +673 8328316 atau +673 8328319.



BERHATI-HATI, WASPADA DENGAN AKAUN PALSU DI MEDIA SOSIAL

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Berikutnya satu siaran media sosial yang telah dimuat naik oleh satu akaun di aplikasi TikTok dengan akaun nama Info Rasmi Bantuan Brunei yang mengandungi maklumat untuk mendapatkan bantuan kewangan sebanyak BND500 melalui Unit Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB) warganegara Brunei Darussalam, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa hantaran berkenaan adalah tidak

benar dan jabatan ini tidak pernah mengeluarkan kenyataan seperti yang disebarluaskan.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk berhati-hati, tidak mudah terpedaya dan mempercayai maklumat-maklumat yang disebarluaskan melalui aplikasi sosial tanpa memastikan kesahihannya terlebih dahulu.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk tidak mengongsikan butiran peribadi kepada pihak tertentu yang belum dipastikan kesahihannya.

JAPEM sangat memandang

serius terhadap isu penyamaran akaun palsu berkenaan dan turut mengingatkan orang ramai bahawa perbuatan menyebarkan maklumat tidak sahih, apakah lagi yang palsu dan direka oleh mereka yang semata-mata berniat untuk mengelirukan adalah menjadi kesalahan dan boleh dilaporkan di bawah perundangan Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) Seksyen 34, iaitu sesiapa yang sama ada menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah, yang menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh dikenjarakan tiga tahun atau denda sebanyak BND3,000 atau kedua-duanya sekali.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi JAPEM, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Talian Kebajikan 141 yang beroperasi 24 jam jika ingin melaporkan sebarang isu-isu yang melibatkan kebajikan dan kemaslahatan orang ramai.

Platform rasmi berkenaan adalah untuk memastikan maklumat dan isu yang diadukan




@jasmakryh2a

7 Following 146 Followers 186 Likes

[Follow](#) [Message](#)

INFO BANTUAN & CARA MEMOHON
(SILA MESEJ ADMIN)



akan diambil tindakan dengan segera dan berkesan serta mengelakkan daripada penyebaran berita-berita palsu dan berita-berita tular yang mungkin dapat mengganggu ketenteraman awam dan juga disalah guna.



MINGGU ORIENTASI KONGSI GAMBARAN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN



Siaran Akhbar dan Foto : Institut Pendidikan Teknikal Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Januari. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) mengalau-alukan seramai 375 pelajar baharu bagi pengambilan Januari 2025 semasa Majlis Orientasi IBTE baru-baru ini.

Sehubungan itu, Program Minggu Orientasi telah diadakan selama empat hari bermula 16 hingga 20 Januari 2025 berlangsung di tujuh kampus IBTE.

Minggu Orientasi ini direka untuk


membantu pelajar beralih dengan lancar ke dalam perjalanan akademik mereka di IBTE. Untuk memulakan program, pelajar telah dialu-alukan oleh ketua sekolah masing-masing, yang memberikan gambaran tentang persekitaran pembelajaran dan jangkaan.

Jadual yang komprehensif telah disediakan untuk pelajar baharu, termasuk taklimat daripada Penolong Pendaftar, Pegawai Kebajikan, Pegawai Kewangan dan Pegawai Bimbingan

Kerjaya.

Sesi ini menyediakan maklumat penting tentang pendaftaran, kebaikan pelajar dan perkhidmatan sokongan akademik. Penceramah jemputan daripada pelbagai kementerian-kementerian kerajaan termasuk Jabatan Penerangan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama turut dijemput untuk berkongsi pandangan mengenai topik yang berkaitan dengan kehidupan pelajar dan pembangunan negara.

Untuk meningkatkan lagi keselesaan pelajar dengan



ANTARA pelajar baharu Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) pengambilan Januari 2025 menyertai Majlis Orientasi IBTE (atas dan kiri).

persekitaran baharu mereka, program ini menampilkan lawatan kampus dan Sesi Penglibatan Ibu Bapa yang dianjurkan oleh setiap sekolah.

Di samping itu, pelajar berpeluang meneroka dan mendaftar untuk Extra-Curricular Activities (ECA) bagi semester tersebut. Mereka juga diperkenalkan kepada IBTE Student Activities Rewards System (STARS), satu inisiatif berasaskan mata yang mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada penyertaan dalam aktiviti bukan akademik.

STARS menggalakkan pelajar untuk mengejar minat yang pelbagai, membangunkan kemahiran penting dan memupuk tanggungjawab sosial - menjajarkan dengan visi IBTE untuk menyediakan graduan yang serba lengkap untuk ekonomi yang dinamik.

Minggu Orientasi IBTE bukan sahaja melengkapkan pelajar dengan pengetahuan yang berharga tetapi juga memupuk semangat kemasyarakatan, menetapkan asas yang kukuh untuk pertumbuhan akademik dan peribadi mereka.

Berkongsi rezeki dengan bersedekah

Berita dan Foto :
Ihsan HiTUNE Group



GADONG, Rabu, 29 Januari. - Rezeki yang dikurniakan kepada kita sebenarnya mengandungi hak orang lain, khususnya mereka yang memerlukan seperti fakir miskin, anak yatim dan golongan yang kurang berkemampuan.

Bersedekah merupakan salah satu cara untuk mengongsikan rezeki agar segala rezeki yang diterima akan mendapat keberkatan dan akan sendirinya diluaskan lagi.

Kaunselor Pelawat Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA),

Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor menjelaskan perkara tersebut semasa menyampaikan ceramah pada Majlis Sambutan Israk Mikraj anjuran HiTUNE Group of Companies di Kampung Mata-Mata, Gadong, baru-baru ini.

Beliau seterusnya menyatakan menyumbangkan rezeki kepada perkara-perkara kebaikan juga adalah ibadah yang akan melatih diri untuk bersyukur dan sekali gus membantu meningkatkan keberkatan rezeki yang Allah

kurniakan.

Menurutnya, keberkatan yang diperoleh daripada berkongsi rezeki dan membantu orang lain adalah sangat besar ganjarannya yang akan diterima kembali dalam kehidupan di dunia dan sebagai bekalan di akhirat.

"Kekayaan material semata-mata tidak semestinya meneati keperluan sepenuhnya dalam kehidupan, sebaliknya aspek ketenangan hati, hubungan baik dengan Allah dan sesama manusia, serta keberkatan dalam



PENGURUSI HiTUNE Group of Companies, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang dan Ketua Pegawai Eksekutif HiTUNE Group of Companies, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffrey hadir pada Majlis Sambutan Israk Mikraj anjuran HiTUNE Group of Companies di Kampung Mata-Mata, Gadong (kiri dan atas).

segala aspek kehidupan merupakan kunci utama kenikmatan dan ketenangan dalam kehidupan," tegasnya.

Beliau juga berkongsi aspek kewajiban menepati hadir pada waktu bekerja kerana ia menjadi tanggungjawab penting yang mencerminkan disiplin, profesionalisme dan integriti pekerja.

Katanya, agama juga menuntut menepati waktu bekerja yang dianggap sebagai amanah yang perlu dijaga bagi mencapai

produktiviti dan membina reputasi organisasi.

"Dengan menjaga dan menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan oleh majikan, kita akan mendapat keberkatan dalam rezeki dan kehidupan serta kebahagiaan," tambahnya.

Hadir pada majlis berkenaan ialah Pengurus HiTUNE Group of Companies, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang dan Ketua Pegawai Eksekutif HiTUNE Group of Companies, Dayang Hernah Nur Imani binti Muhd. Jeffrey.

ZHAO SHANG YI DUN - VIKING SUN SINGGAH KE NBD



KAPAL persiaran Zhao Shang Yi Dun - Viking Sun buat julung kalinya mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam setelah tiba dari Kota Kinabalu dengan membawa 257 penumpang dan 351 anak kapal (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Kapal persiaran Zhao Shang Yi Dun - Viking Sun buat julung kalinya mengadakan lawatan ke Negara Brunei Darussalam (NBD) setelah tiba dari Kota Kinabalu dengan membawa 257 penumpang dan 351 anak kapal.

Ini menandakan kapal persiaran antarabangsa kedua melawat NBD pada tahun 2025. Persinggahan kapal itu menawarkan peluang kepada penumpang untuk meneroka tarikan ikonik negara sebelum meneruskan perjalanan ke Singapura.

Ketibaan para penumpang

disambut dengan persebahan hadrah, memberikan suasana meriah pada hari tersebut. Mereka telah dibawa melawat ke tempat yang menarik termasuk Istana Nurul Iman, Masjid Omar 'Ali Saifuddien dan Kampong Ayer. Semasa lawatan singkat ini, mereka juga telah menikmati pelbagai juadah dan minuman tempatan serta berpeluang membeli cenderahati asli tempatan.

Para penumpang berkongsi tanggapan mereka tentang daya tarikan dan keindahan NBD yang unik. Marchiko dari Jepun berumur 82 tahun, menyatakan kekagumannya terhadap kesopanan masyarakat di negara ini.

"Saya sangat kagum dengan sifat hormat dan berbudi bahasa rakyat Brunei yang mana nampak apabila mereka memandu kereta dan memberhentikan kereta mereka ketika ada orang yang hendak menyeberang jalan di lintas jalan," ujarnya.

Sementara, salah seorang penumpang dari Brisbane, Australia, mendapati NBD sebagai sebuah negara yang indah selepas menerokai ibu negara. Beliau mengongsikan pengalamannya melawat ibu negara, di mana dia merasa sangat tertarik dengan

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

warisan budaya negara yang meriah dan kemesraan daripada layanan rakyat tempatan.

Ketibaan ini menyerlahkan daya tarikan NBD yang semakin meningkat dalam kalangan pelancong pelayaran China. Zhao Shang Yi Dun - Viking Sun menandakan yang kedua daripada sekurang-kurangnya 11 kapal persiaran yang dijangka melawat NBD pada 2025, mencerminkan usaha kerajaan untuk menarik

lebih ramai pelawat melalui pasaran pelayaran.

Jabatan Kemajuan Pelancongan bersedia untuk mengalaukan kapal seterusnya iaitu Norwegian Sky, yang dijadualkan berlabuh pada 3 Februari 2025 untuk lawatan keduanya, seterusnya menunjukkan minat yang semakin meningkat daripada pengendali pelayaran global dan pengembara ke NBD.



Mewujudkan pertukaran budaya, kerjasama Brunei - Jepun



PROGRAM Nihongo Partners yang disokong oleh Japan Foundation menandakan satu peristiwa penting dalam pertukaran budaya yang berterusan dan persefahaman bersama antara Negara Brunei Darussalam dan Jepun.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Suzani Adina Haji Marzuki

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Januari. - Maka Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS) hari ini mengalaukan Program Nihongo Partners yang disokong oleh Japan Foundation menandakan satu peristiwa penting dalam pertukaran budaya yang berterusan dan persefahaman bersama antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Jepun.

Program diadakan di Auditorium

maktab berkenaan, di sini.

Pengetua Maktab SOAS, Awang Mohamed Santra bin Haji Bolhasan dalam ucapan alu-aluananya antara lain menyatakan program tersebut bukan sahaja untuk mendalami pemahaman tentang bahasa dan budaya Jepun tetapi juga untuk mengukuhkan ikatan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara.

Melalui program ini tambahnya, kita dapat menyelami keindahan

tradisi, seni dan adat Jepun dan diharap dapat berkongsi kekayaan budaya, mencipta pertukaran dua hala yang mendalamkan ikatan dan memperluas pandangan.

Gan Kae dari Japan Foundation semasa ditemu bual Pelita Brunei menyatakan kedatangan mereka ke sekolah-sekolah terlibat adalah untuk memperkenalkan kehidupan dan budaya orang Jepun sekali gus mempelajari adat dan budaya orang Brunei.

Program seumpamanya ujarnya, sedikit sebanyak dapat memperkenalkan Brunei kepada orang-orang Jepun melalui gambar-gambar yang diambil dan dimuat naik ke media sosial Japan Foundation.

Program tersebut diisi dengan perkongsian permainan tradisional, bahasa, budaya dan terutama sekali makanan.

Sebanyak tujuh buah sekolah yang terlibat iaitu Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam; Maktab SOAS; Sekolah Menengah Rimba II; Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha; Benkyou Education Centre; Sekolah Menengah Katok; dan Maktab Anthony Abell, Seria.

Keputusan Peperiksaan Pra-STPUB, STPUB dikeluarkan

■ Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Januari. - Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) baru-baru ini mengeluarkan keputusan Peperiksaan-peperiksaan Pra-Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (Pra-STPUB) dan Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (STPUB) bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi (bagi calon-calon Pra-U1 dan Pra-U2) di Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh KHEU, di sini, pencapaian bagi Pra-STPUB daripada seramai 265 calon (pelajar Pra-U1) yang menduduki Peperiksaan Pra-STPUB, seramai 261 calon (98.49 peratus) telah memperoleh sekurang-kurangnya satu pangkat Jayyid / Kepujian dan daripada jumlah tersebut, 181 calon (68.30 peratus) telah berjaya memperoleh sekurang-kurangnya pangkat Jayyid / Kepujian dalam semua mata pelajaran yang diduduki.

Manakala bagi pencapaian Peperiksaan STPUB pula, seramai 384 calon telah menduduki Peperiksaan STPUB dan daripada jumlah tersebut, seramai 377 calon (98.18 peratus) telah lulus. Daripada jumlah lulus berkenaan, seramai 202 calon (52.60 peratus) memperoleh pangkat Mumtaz / Cemerlang.

Pihak sekolah yang berkenaan bolehlah mengambil keputusan calon bagi sekolah masing-masing pada Khamis, 30 Januari 2025 di Pejabat Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam bermula pukul 9.30 pagi.

Sehubungan dengan ini, calon-calon yang menduduki peperiksaan-peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing. Manakala bagi calon persendirian hendaklah mengambil slip pernyataan keputusan di Pejabat Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, bertempat di Tingkat Bahawang Bangunan KHEU pada waktu pejabat.

Bagi calon-calon peperiksaan, ibu bapa / penjaga yang ingin mendaftar untuk mendapatkan keputusan peperiksaan melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS), bolehlah berbuat demikian melalui perkhidmatan SMS dengan menaip KHEU (jarak reg (jarak) nombor pusat peperiksaan (jarak) nombor indeks calon (jarak) nombor kad pengenalan pintar dan hantar ke 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. atau 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd. Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar dengan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima. Sehubungan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan talian masing-masing mempunyai kredit yang mencukupi.



GAN KAE dari Japan Foundation semasa ditemu bual Pelita Brunei.

PERSEMBAHAN TARIAN SINGA MERIAHKAN PUSAT EHSAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



PUSAT Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Bengkurong mengadakan pelbagai aktiviti termasuk Persembahan Tarian Singa dari Unity Charity Association bagi 200 kanak-kanak bersama ahli keluarga pada majlis yang berlangsung di dewan pusat berkenaan (kiri dan kanan).

BENGKURONG, Khamis, 30 Januari. - Bagi memeriahkan lagi suasana Sambutan Tahun Baharu Cina dalam menyambut Tahun Ular, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung

Bengkurong telah mengadakan pelbagai aktiviti termasuk Persembahan Tarian Singa dari Unity Charity Association bagi 200 kanak-kanak bersama ahli keluarga pada majlis yang

berlangsung di dewan pusat berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara

Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam adalah sebuah badan kebajikan bukan kerajaan dan tidak berasaskan keuntungan,

menyediakan pembelajaran khas, latihan, pemedulian dan perkhidmatan pemuliharan anggota badan kepada insan-insan istimewa di Negara Brunei Darussalam.

Perayaan Tahun Baharu Cina memperkuuh keharmonian, perpaduan masyarakat



PENDAFTAR Perkahwinan Orang-orang Cina (Registrar of Chinese Marriage), Lim Han Chiong.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

KOTA BATU, Rabu, 29 Januari. - Sambutan Tahun Baharu Cina merupakan satu titik permulaan yang baharu dalam memperkuuh semangat kebersamaan, keharmonian juga menjamin kekuatan dalam semangat menyambut perayaan besar bagi kaum Cina.

Justeru itu, dalam satu pendekatan bersama Pendaftar Perkahwinan Orang-orang Cina (Registrar of Chinese Marriage), Lim Han Chiong bersempena dengan Sambutan Tahun Baharu

Cina menjelaskan Tahun Baharu Cina merupakan tradisi indah yang memupuk kegembiraan, kebersamaan, pembaharuan dan masa untuk keluarga juga masyarakat bersatu dengan saling hormat-menghormati.

Jelasnya lagi, kehadiran Tahun Baharu Cina adalah masa untuk menantikan masa depan yang penuh dengan harapan.

Menyentuh tentang adat resam katanya, pemberian sampul merah atau angpau juga berkongsi makanan perayaan,

ia membawa makna budaya yang mendalam yang melambangkan kekayaan serta perpaduan yang baik.

"Semangat pembaharuan ini memberi inspirasi kepada orang ramai dan juga membawa kebahagiaan, kejayaan sekali gus kemakmuran," katanya lagi.

Lim Han Chiong seterusnya berkata melalui Tahun Baharu Cina juga memperkuuh ikatan di samping meluangkan masa bermutu bersama keluarga, sahabat dan rakan sekerja demi memupuk hubungan yang membawa kegembiraan dan saling menyokong.

"Justeru jadikan tahun baharu ini sebagai satu titik permulaan yang baharu dan segar untuk terus memperkuuh semangat

kebersamaan dan kekeluargaan demi negara.

"Gong Xi Fa Cai kepada seluruh kaum Cina," ujarnya lagi.

Manakala menurut Brandon Tay Kai Xin pula, Sambutan Tahun Baharu Cina pada tahun ini, iaitu Tahun Ular yang disifatkan sebagai keharmonian dan keuntungan bagi kepercayaan masyarakat Tionghua.

Menurutnya, sambutan

berkenaan secara tidak langsung memberi peluang kepada masyarakat di negara ini untuk sama-sama mengenali sambil beramah-mesra bersama ahli keluarga dan sahabat.

"Dengan adanya sambutan ini, diharat akan dapat mengumpulkan ahli keluarga, sanak-saudara yang jauh yang berada di Malaysia dan Singapura untuk sama-sama meraikan sambutan tersebut," ujarnya lagi.

**Kementerian Kesihatan
MINISTRY OF HEALTH**

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Lelaki	Wanita
--------	--------

Kanser Kolorektal adalah penyebab bagi 22% kanser lelaki dan 12% kanser wanita

Faktor Risiko:

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi daripada wanita.
- Memiliki ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Minuman minuman keras yang berlebihan.

Langkah Pencegahan:

- Tidak merokok.
- Perbanyak memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

Tanda-tanda kanser kolorektal:

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kemung perut.
- Kurang selera makan.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila lari www.ppkk.gov.bn

SENTIASA PRAKTIKKAN AMALAN PERNIAGAAN BERETIKA, TELUS

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Januari. - Operasi bersepadu ini yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) menekankan kepentingan amalan jualan dan promosi yang beretika.

Peserta Brunei Salebration (BSb) 2025 diingatkan untuk menjalankan jualan yang benar dengan terma dan syarat yang jelas dan telus bagi memastikan pengguna tidak terpedaya atau keliru semasa membuat keputusan pembelian. Pendekatan ini mengukuhkan komitmen dalam memupuk kepercayaan di antara peniaga dan pengguna.

Operasi ini bukan sahaja memastikan kepatuhan ke atas Peraturan Acara Harga Jualan Murah tetapi juga menguatkuasakan peraturan-peraturan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan (SDT) 1983 (Penggal 151).

Peraturan-peraturan ini memainkan peranan penting dalam menjaga kepentingan pengguna dan dalam mengekalkan amalan perniagaan yang wajar.

Semasa operasi berkenaan, sebuah premis perniagaan didapati menjual susu tepung formula anak damit melebihi harga maksimum



OPERASI ini bukan sahaja memastikan kepatuhan ke atas Peraturan Acara Harga Jualan Murah tetapi juga menguatkuasakan peraturan-peraturan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 (Penggal 151) (atas dan kiri).

yang ditetapkan, manakala dua buah premis perniagaan tidak memamerkan tanda harga dengan jelas.

Oleh itu, sebanyak dua kompaun masing-masing berjumlah BND500 dikenakan kepada syarikat Milimewah Department Store Sdn. Bhd. dan Haji Mohammad Bakir Jaya Sdn. Bhd., dan satu Notis Penyitaan dan alat tersebut telah disita.

Sementara itu, pihak Unit SDT telah mendapati sebanyak 17 unit alat sukat dan timbang yang telah mansuh tempoh kebenaran pendaftaran yang dibenarkan. Pihak SDT telah mengeluarkan Notis Penyitaan dan alat tersebut telah disita.

menggunakan alat sukat dan timbang yang telah mansuh tempoh kebenaran pendaftaran yang dibenarkan. Pihak SDT telah mengeluarkan Notis Penyitaan dan alat tersebut telah disita.

Dalam pada itu, pihak syarikat dikehendaki hadir ke Pejabat Unit SDT mengikut tадahan alat didaftarkan dalam tempoh tujuh hari waktu bekerja dari tarikh notis dikeluarkan bagi memperbetulkan isu berkennaan.

JPES dan Unit SDT secara berterusan menekankan kepentingan strategi jualan yang


beretika dan telus. Peniaga disarankan untuk mengutamakan kejujuran dan maklumat yang jelas dalam aktiviti promosi mereka untuk meningkatkan keyakinan dan kepuasan pengguna di samping menyokong pasaran yang wajar untuk semua.

Selain itu, premis perniagaan perlu memastikan alat sukat dan timbangan yang digunakan semasa aktiviti jual beli mempunyai pelekat pendaftaran dengan tempoh penggunaan yang masih sah.

Pemeriksaan bersepadu ini adalah aktiviti penguatkuasaan bulanan di antara JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit SDT di bawah Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Operasi bersepadu bulanan bagi bulan Januari 2025 melibatkan premis-premis perniagaan di kawasan Seria, Daerah Belait.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh disalurkan melalui saluran rasmi seperti berikut : Akta Kawalan Harga, Penggal 142 : Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123, aplikasi PenggunaBijak dan e-mel aduanpengguna@jpес.gov.bn; dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 (Penggal 151) : Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui e-mel sdt@mofe.gov.bn atau talian +673 2334092.

Lelaki warga tempatan ditahan memiliki barang tegahan kastam



ANTARA barang dan wang tunai yang dirampas semasa operasi yang dijalankan di kawasan Kampung Kiulap (kiri dan atas).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kastam dan Eksais Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Januari. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) melalui Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang, baru-baru ini menjalankan satu gerakan operasi di kawasan Kampung Kiulap.

Hasil gerakan operasi tersebut, JKED berjaya menahan seorong lelaki warganegara tempatan yang berumur 40 tahun atas kesalahan memiliki barang-barang kesalahan

kastam iaitu 1,778 unit vape, satu vape device, lapan botol jus vape dan 11 vape refill pelbagai jenis; dan 21 paket rokok pelbagai jenis.

Wang tunai sebanyak BND15,605.50 dan mata wang asing dianggarkan berjumlah BND6,067.00 juga turut ditahan. Wang tersebut adalah dipercayai hasil dari penjualan barang-barang kesalahan kastam.

Kesemua barang terbabit telah

dirampas dan individu terlibat telah dibawa ke Pejabat Penguatkuasaan Undang-Undang untuk siasatan lanjut.

JKED ingin menasihatkan kepada orang ramai agar sentiasa mematuhi mana-mana perundangan negara ini dan menghindari dari melakukan kegiatan-kegiatan penyeludupan atau membawa masuk dan keluar barang-barang tegahan atau barang-barang sekatan tanpa kebenaran yang sah.

Memiliki barang-barang tegahan kastam adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 140, Perintah Kastam 2006 atau Seksyen 146, Perintah Eksais 2006.

JKED mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada orang ramai yang telah memberikan kerjasama dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aktiviti yang menyalah perundangan dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh JKED.

Orang ramai dialu-alukan untuk mengongsikan maklumat berkaitan apa juar kegiatan penyeludupan barang-barang tegahan kastam atau apa juar aktiviti yang menyalah perundangan kastam dengan menghubungi JKED di talian utama JKED di +673 8714422 / +673 8721422 atau pejabat kastam yang berdekatan.

Pihak JKED juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan.

INFO Teknologi



Lakukan penyelenggaraan rutin untuk memastikan ketahanan peranti

Pendahuluan

DARI semasa ke semasa adalah penting untuk kita melakukan penyelenggaraan untuk peranti elektronik kita seperti komputer, *laptop*, *tab* dan telefon pintar untuk memastikan jangka hayat panjang peranti-peranti tersebut. Selain itu, penyelenggaraan memastikan ketahanan dan prestasi optimum alat-alat tersebut. Kekerapan keperluan penyelenggaraan adalah bergantung kepada penggunaan, persekitaran, dan jenis peranti. Dengan melabur dalam penyelenggaraan berkala, awda menjimatkan masa, wang dan potensi kekecewaan dalam jangka panjang.

Kepentingan penyelenggaraan luaran dalam peranti elektronik

Apabila kita menggunakan peranti elektronik setiap hari, alat tersebut akan mengumpul banyak data di dalam fail-fail sementara dan kemas kini perisian dari semasa ke semasa yang dilakukan secara automatik boleh melambatkan peranti yang digunakan. Untuk mengelak perkara ini, penyelenggaraan adalah perlu untuk mengoptimumkan prestasi peranti yang digunakan. Selain itu, penyelenggaraan juga boleh mencegah kemerosotan dan memastikan peranti yang digunakan bertahan lebih lama kerana ia akan menangani isu-isu kecil sebelum ia menjadi masalah yang lebih rumit. Dari segi luaran pula, peranti elektronik yang kita pakai setiap hari setelah jangka masa tertentu akan mengumpul habuk pada bahagian sistem penyejukan yang

terdapat bahagian seperti kipas dan lubang pengudaraan. Habuk terkumpul boleh menyebabkan kepanasan berlebihan. Dengan melakukan penyelenggaraan pembersihan komponen-komponen ini akan dapat mencegah kerosakan haba.

Sebahagian daripada kerja-kerja penyelenggaraan adalah termasuk pemeriksaan sistem untuk memastikan peranti kita dilindungi dan program-program atau aplikasi di dalam peranti kita dikemas kini dari segi keselamatan untuk melindungi kita daripada ancaman seperti virus, penggodam dan sebagainya. Apabila kita melakukan kerja penyelenggaraan kita juga boleh membuat pengesanan awal masalah perisian untuk mencegah kegagalan yang tidak dijangka dan seterusnya memastikan amalan pengecasan yang betul dan mengoptimumkan prestasi bateri. Termasuk dalam penyelenggaraan ialah penciptaan sandaran ataupun *back up* dan pemeriksaan kesihatan penyimpanan untuk mengurangkan risiko kehilangan data. Kemas kini dan penyelenggaraan berkala memastikan peranti kita kekal serasi dengan perisian dan aplikasi baharu dan membantu dalam penyelesaian masalah rangkaian, seperti Wi-Fi yang perlahan atau sambungan yang tidak stabil.

Kekerapan penyelenggaraan

Bagi penyelenggaraan asas untuk *laptop* dan komputer, peranti akan dibersihkan pada bahagian luar. Ini termasuk membersihkan papan kekunci. Kekerapan pembersihan luaran peranti yang disyorkan ialah dua minggu sekali menggunakan berus khas

ataupun kain untuk membuang habuk. Manakala pembersihan habuk dan pemeriksaan saluran udara dan kipas untuk peranti yang mempunyai komponen-komponen ini, kekerapan pembersihan yang disyorkan ialah setiap tiga ke enam bulan. Untuk pembersihan mendalam pula yang memerlukan peranti untuk dileraiakan atau dibuka satu-persatu komponennya, kekerapan yang disyorkan ialah setiap enam ke 12 bulan sekali. Untuk perisian peranti pula, kemas kini sistem operasi dan program antivirus perlu dilakukan sebaik saja notifikasi atau peringatan untuk kemas kini dikeluarkan. Begitu juga dengan kemas kini data sandaran, ia perlu dilakukan lebih kerap bergantung kepada kepentingan data. Manakala untuk perkakasan seperti RAM dan SSD, pemeriksaan perlu dilakukan setiap tahun.

Amalan yang boleh dipraktikkan untuk membantu ketahanan dan mengelak kerosakan peranti ialah menyimpan peranti di tempat yang sejuk dan kering dan mengelak peranti tersebut daripada berada di tempat yang lembap dan panas.

Jangka hayat peranti elektronik

Jangka hayat peranti elektronik seperti komputer ataupun peranti pintar termasuk keserasian dengan perisian atau sistem pengendalian terkini bergantung kepada beberapa faktor seperti spesifikasi perkakasan, sistem pengendalian dan jenis perisian yang awda gunakan. Namun, berikut adalah garis panduan untuk peranti tertentu. Untuk komputer jenis *desktop*, secara amnya

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan
Foto : Ihsan Freepik

peranti seperti ini boleh bertahan selama lima ke 10 tahun, bergantung pada kualiti perkakasan dan peningkatan. *Desktop* yang lebih mahal dan canggih dengan komponen yang boleh dinaik taraf (RAM, SSD, GPU) mungkin akan kekal serasi lebih lama. Untuk komputer riba pula, peranti ini biasanya bertahan tiga ke tujuh tahun kerana mereka kurang boleh dinaik taraf. Hayat bateri dan komponen terintegrasi seperti CPU mungkin mengehadkan ketahanan.

Antara faktor yang mempengaruhi keserasian ialah keperluan perkakasan, kemas kini perisian dan sistem operasi (OS) dan juga perubahan teknologi. Sistem pengendalian baru (contohnya, Windows, macOS, Linux) sering memerlukan lebih banyak RAM, pemroses yang lebih pantas, dan GPU yang lebih canggih. Sebagai contoh, Windows 11 memerlukan TPM 2.0 dan CPU yang agak baharu. Perisian dan permainan juga mungkin memerlukan spesifikasi yang lebih tinggi dari semasa ke semasa. Kebanyakan sistem pengendalian menyediakan sokongan untuk mesin selama lima ke tujuh tahun selepas pelepasan. Setelah sokongan berakhir, awda tidak akan menerima kemas kini keselamatan, menjadikan sistem terdedah. Selepas enam ke 10 tahun, perkakasan seperti CPU, GPU, dan penyimpanan mungkin tidak lagi memenuhi keperluan minimum untuk perisian moden. USB-C, PCIe 5.0 atau piawaiannya baharu lain mungkin menjadikan perkakasan lama kurang serasi dengan periferal moden.





'Hoarding disorder': Sikap atau penyakit mental?

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

Di Negara Brunei Darussalam, masalah kesihatan mental semakin mendapat perhatian, terutama dengan peningkatan kes kemurungan, kebimbangan dan tekanan dalam kalangan penduduk. *Hoarding disorder* merupakan salah satu penyakit yang dikategorikan di bawah kesihatan mental.

Hoarding disorder adalah kesukaran untuk membuang atau menjauhkan benda-benda yang dimiliki kerana keinginan yang kuat untuk menyimpannya. Penderita kemudian akan menjadi stres ketika harus membuang barang-barang tersebut. Akibatnya, barang-barang terus menumpuk lebih banyak, padahal sebahagian di antaranya tidak bernilai atau sudah rosak.

Apa yang lebih merimaskan lagi ialah barang-barang tersebut disimpan dengan tidak teratur, bersepah di mana-mana ruang kosong di rumah sehingga menyebabkan sampah yang bertimbun dan boleh mendatangkan bahaya kepada seisi rumah. Ironinya barang-barang yang disimpan atau dikumpul tersebut tidak diperlukan malah menjadi sampah yang tidak berguna.

Inilah salah satu amalan yang kian menjadi tabiat sebahagian orang iaitu suka menyimpan barang berlebihan sebab hendak berjimat atau 'sayang' hendak dibuang disebabkan banyak *sentimental value*. Tidak dinafikan sesetengah barang memang ada nilainya kerana ia mempunyai cerita tersendiri. Tapi sikap begini yang berlebihan hingga menimbulkan keserbutan dan mengorbankan keselesaan merupakan petanda penyakit mental.

"Baguna ni barang ani kemudian hari," atau "Anitah yang membuat ku happy kalau ku membali barang ani," adalah antara tanggapan mereka yang suka mengumpul atau membeli

barang tanpa tujuan yang kemudiannya berakhir menjadi longgokan barang yang memenuhi ruang rumah. Sering kali, banyak benda yang disimpan tidak bernilai atau kurang nilainya dan mungkin apa yang kebanyakan orang akan menganggapnya sebagai sampah.

Seorang individu boleh menyimpan barang-barang tersebut atas sebab-sebab yang tidak jelas kepada orang lain seperti sebab-sebab sentimental atau merasakan benda tersebut kelihatan cantik atau berguna. Kebanyakan penderita *hoarding disorder* mempunyai emosi yang kuat yang berkait dengan benda tersebut.

Agama Islam adalah agama yang cinta pada kebersihan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam sangat menganjurkan kepada umatnya untuk sentiasa menjaga kebersihan.

Daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : "Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'alaa itu suci yang menyukai hal-hal yang suci, Dia Maha Bersih yang menyukai kebersihan, Dia Maha Mulia yang menyukai kemuliaan, Dia Maha Indah yang menyukai keindahan kerana itu bersihkanlah tempat-tempatmu." (Hadis Riwayat Tirmizi)

Adalah sangat penting untuk menggalakkan penderita *hoarding disorder* untuk mendapatkan bantuan kerana kesukaran mereka membuang objek bukan sahaja boleh menyebabkan kesepian dan boleh membawa kepada masalah kesihatan mental tetapi juga menimbulkan risiko kesihatan dan keselamatan. Jika tidak ditangani, ia adalah masalah yang mungkin akan berlarutan. Mungkin ada yang sedar mereka ada masalah tetapi keberatan mendapatkan bantuan kerana berasa amat malu, dimalukan atau bersalah. Oleh itu, kita berperanan menggalakkan

penderita *hoarding disorder* untuk mendapatkan bantuan kerana kesukaran mereka membuang barang yang tidak berguna bukan sahaja boleh menyebabkan kesepian dan masalah kesihatan mental tetapi juga menimbulkan risiko kesihatan dan keselamatan.

Hoarding disorder dianggap sebagai masalah yang ketara jika :

- Kesulitan yang mengganggu kehidupan sehari-hari seperti tidak dapat menggunakan dapur atau bilik mandi mereka dan tidak boleh mengakses bilik hanya kerana timbunan barang dan sampah.

- Masalah ini menyebabkan kesusahan yang ketara atau memberi kesan negatif kepada kualiti hidup seseorang atau keluarga mereka - mereka akan menjadi sedih jika seseorang cuba untuk mengubah keadaan tersebut dengan membersihkan tempat itu dan ini boleh menyebabkan hubungan mereka terjejas.

Tanda-tanda gangguan *hoarding disorder*

Seseorang yang mengalami gangguan *hoarding disorder* biasanya boleh :

- Menyimpan atau mengumpul barang yang mungkin mempunyai sedikit atau tiada sebarang nilai atau barang yang mereka berhasrat untuk digunakan semula atau dibaiki.

- Sulit untuk mengkategorikan atau menyusun barang dan akhirnya membiarkannya berlonggok menjadikannya satu timbunan sampah.

- Sulit membuat keputusan sama ada barang-barang yang ada hendak dibuang atau disimpan.

- Menjadi sangat rapat dengan barang-barang, enggan membiarkan sesiapa menyentuh atau meminjam.

Mengapa *hoarding disorder* menjadi satu masalah?

Hoarding disorder dianggap menjadi masalah signifikan jika jumlah barang sudah mengganggu aktiviti sehari-hari. Misalnya, penderita tidak lagi dapat menggunakan dapur, pergi ke bilik mandi atau mengakses bilik tidur kerana terlalu banyak barang.

Penderita *hoarding disorder* biasanya enggan atau tidak mahu menerima pelawat. Lebih teruk lagi mereka tidak membentarkan tukang baiki masuk ke dalam rumah untuk membaiki sebarang kerosakan yang boleh menyebabkan mereka ini seperti terasing dan kesepian.

Kekusutan ini boleh mendatangkan risiko kesihatan kepada penderita *hoarding disorder* dan seseapa yang tinggal di dalam atau mengunjungi rumah mereka. Ini adalah kerana ia boleh :

- Membuat kerja-kerja pembersihan sangat sukar, yang membawa kepada keadaan yang tidak bersih dan menggalakkan pembiakan tikus atau serangga.

- Kediaman penderita tersebut menjadi risiko kebakaran dan laluan keluar akan tersekat sekiranya berlaku kebakaran.

- Sampah atau barang boleh jatuh atau runtuh pada orang jika disimpan dalam timbunan besar.

Kesimpulan

Sikap pemedulian, empati dan tanggungjawab masyarakat di sekeliling adalah perlu dalam menangani *hoarding disorder* yang boleh saja berlaku pada keluarga atau jiran. Tunjukkan pada mereka bahawa awda bersedia membantu agar kehidupan mereka lebih bermakna apabila persekitaran kawasan mereka lebih bersih dan seronok dipandang mata. Selain itu, keselamatan di sekeliling juga terjamin dan tidak menjadi tempat pembiakan binatang seperti tikus dan ular.



Operasi Panyap kesan pelbagai kesalahan

JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan semasa melaksanakan tiga operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Panyap 2025 yang mana menyasarkan kepada beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam baru-baru ini (kanan dan kanan sekali).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 29 Januari. - Dalam usaha berterusan untuk membanteras pesalah-pesalah imigresen, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah melaksanakan tiga operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Panyap 2025 yang mana menyasarkan kepada beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam baru-baru ini.

Tujuan operasi adalah bagi menguatkuaskan akta dan peraturan yang dipertanggungjawabkan di bawah JIPK termasuk Akta Anti Pemerdagangan Orang, Penggal 230 dan Akta Pencegahan Penyeludupan Orang, Penggal 229.

Operasi Panyap 09 / 2025 telah menyasarkan di kawasan letak kereta di Mukim Berakas 'A' dan premis perniagaan di Mukim Berakas 'B'. Hasil pemeriksaan didapati tiga warga asing telah ditahan dan dibawa ke Bahagian



Penguatkuasaan Undang-Undang bagi siasatan lanjut.

Seorang daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(3), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja tidak mengikut jawatan yang tertera di dalam pasport dan seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan. Manakala seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan di bawah

Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal manakala seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan di bawah

Sementara Operasi Panyap 10 / 2025 pula menyasarkan di sebuah rumah di Mukim Kuala Belait dan mendapati dua warga asing telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang untuk siasatan lanjut.

Seorang daripadanya dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja

**Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan**

bukan dengan majikan asal manakala seorang lagi dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 35(1), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bersubhat melakukan kesalahan imigresen.

Bagi Operasi Panyap 11 / 2025 yang menyasarkan di premis perniagaan di Mukim Gadong telah berhasil menahan tiga warga asing dipercayai melakukan kesalahan di

bawah Peraturan 9(4), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke Talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

INSENTIF PEMECAH REKOD BDSG : MOTIVASI UNTUK TINGKATKAN PRESTASI SUKAN



PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil serta hadiah insentif kepada para atlet pelajar (kiri sekali dan kiri).

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Khamis, 30 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan Kokurikulum petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Insentif Pemecah Rekod bagi Kejohanan Sukan Sekolah-sekolah Brunei Darussalam (BDSG) Kali Ke-2, Tahun 2024, bertempat di Dewan Kuliah, Sekolah Sukan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil serta hadiah insentif kepada para atlet pelajar, Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Awang Mohammad Norilham bin Haji Jais.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua Bahagian Jasmani dan Rekreasi, Jabatan Pendidikan

Kokurikulum, Awang Sukardi bin Kaderi selaku Pengerusi Majlis.

Awang Sukardi dalam ucapannya antara lain menjelaskan BDSG menyasarkan penyertaannya kepada atlet pelajar yang menuntut di sekolah menengah, maktab dan Pusat Tingkatan Enam (PTE) di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berumur 18 tahun dan ke bawah secara berkontinjen mengikut kluster yang telah ditetapkan.

BDSG tambahnya, merupakan rebranding atau penaiktarafan kepada kejohanan-kejohanan sukan yang pernah dianjurkan oleh pihak jabatan sebelum ini.

"Penaiktarafan terutama dari aspek sistem dan format adalah selaras serta sejarah dengan persediaan NBD melalui Kementerian Pendidikan kepada penyertaan dan penganjuran

kejohanan di peringkat serantau dan antarabangsa khususnya di bawah Asian Schools Sports Federation (ASSF) dan ASEAN Schools Sports Council (ASSC).

"Mengimbang kembali, BDSG yang pertama (BDSG1) telah dianjurkan pada 19 hingga 28 November 2022 dengan menawarkan sebanyak empat sukan, iaitu badminton, olahraga, renang dan sepak takraw yang melibatkan secara keseluruhan seramai lebih kurang 800 orang terdiri daripada atlet pelajar, pegawai kontinjen, pegawai teknikal dan pegawai pengurusan kejohanan.

"Manakala BDSG yang kedua (BDSG2) telah dianjurkan pada 18 hingga 23 November 2024 dengan menawarkan sebanyak tujuh sukan, iaitu badminton, bola jaring, bola keranjang, olahraga, pencak silat, renang dan sepak takraw dengan penglibatan secara keseluruhan seramai lebih kurang

1,600 orang terdiri daripada atlet pelajar, pegawai kontinjen, pegawai teknikal dan pegawai pengurusan," katanya lagi.

Awang Sukardi seterusnya menjelaskan melalui BDSG, ia telah menyaksikan para atlet pelajar yang berpotensi dalam bidang sukan termasuklah juga para atlet pelajar berkeperluan khas.

Tambahnya lagi, pihak jabatan selaku penganjur BDSG telah menyediakan insentif bagi para atlet pelajar yang berjaya memecahkan rekod khususnya bagi sukan olahraga dan sukan renang.

Di BDSG1 katanya, insentif hanya diberikan kepada atlet pelajar yang berjaya memecahkan rekod kebangsaan memandangkan di BDSG1 baru bermula bagi catatan rekod-rekod di BDSG.

Manakala ujarnya lagi, bagi BDSG2 dan seterusnya, insentif

akan diberikan kepada atlet pelajar yang berjaya memecahkan rekod kejohanan dan juga rekod kebangsaan.

"Alhamdulillah, di BDSG2 sebanyak 34 rekod telah diperbaharui, iaitu 23 rekod bagi sukan olahraga dan 11 rekod bagi sukan renang. Manakala, sebanyak dua rekod kebangsaan telah berjaya diperbaharui bagi sukan renang.

"Tahniah diucapkan kepada 23 atlet pelajar yang telah berjaya memecahkan rekod-rekod di BDSG2 dan sukanca dimaklumkan jumlah tertinggi insentif yang akan diterima oleh salah seorang atlet pelajar ialah berjumlah BND500," ujarnya lagi.

Terdahulu, beliau berharap melalui insentif seperti berkenaan akan dapat menjadi pemangkin motivasi para atlet pelajar untuk meningkatkan prestasi mereka dalam bidang sukan yang mereka ceburi ke tahap optimum.

Acara diteruskan dengan tayangan video BDSG dan diakhiri dengan penyampaian sijil serta hadiah insentif kepada para atlet pelajar.



ePaper Pelita Brunei



UBD JUARA PERTANDINGAN BOLA JARING CHANCELLOR'S TROPHY



PASUKAN UBD dinobatkan sebagai juara dalam Pertandingan Chancellor's Trophy bagi Tahun 2024 / 2025.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Pertandingan Chancellor's Trophy bagi Tahun 2024 / 2025 telah membuka tirainya dengan Pertandingan

Bola Jaring yang dikendalikan oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), baru-baru ini.

Pertandingan tersebut menyaksikan

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

enam buah institusi bertanding iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), UNISSA, Universiti Teknologi Brunei (UTB), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Politeknik Brunei (PB) dan Institut Pendidikan Teknikal (IBTE) yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Penjara Maraburong, Daerah Tutong.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Pendaftar (Akademik), UNISSA, Dayang Nurathirah Salihah binti Haji Md. Salleh juga selaku wakil Pendaftar. Juga hadir, Dekan Pelajar UNISSA, Dayang Nurhafizatulhikmah binti Haji Seribini.

Pasukan UBD telah mengekalkan rekod tanpa kalah dan berjaya mengumpul mata maksimum, sekali gus dinobatkan sebagai juara dalam kejohanan ini. Pasukan PB menduduki tempat kedua, manakala Pasukan UNISSA berjaya memperoleh tempat ketiga selepas menewaskan Pasukan IBTE dalam perlawanan akhir yang mendebaran.

Kejohanan ini turut menyaksikan

penganugerahan khas kepada pemain-pemain terbaik termasuk Most Valuable Player, Best Shooter, Best Defender dan Best Mid-Court.

Pertandingan Chancellor's Trophy merupakan anjuran bersama UNISSA, UBD, UTB dan KUPUSB dan telah dilancarkan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan pada 9 November 2024 yang lalu.

Pertandingan Chancellor's Trophy merupakan sebuah kejohanan pelbagai sukan atau pertandingan antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Negara Brunei Darussalam yang diadakan setiap dua tahun.

Pertandingan ini ditubuhkan pada tahun 2021 dan setiap jenis sukan atau pertandingan akan dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar daripada empat buah institut pengajian tinggi iaitu UBD yang juga merupakan institut yang mengetuai Pertandingan Chancellor's Trophy 2024 / 2025, UNISSA, UTB dan KUPUSB dengan sokongan penuh daripada pihak universiti masing-masing.

Larian Amal bagi mengumpul dana Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin



ANTARA yang menyertai Larian Amal 'Run with Cadets!' yang julung kalinya diadakan oleh Pasukan Kadet Tentera Universiti Islam Sultan Sharif Ali dengan kerjasama Velosir Enterprise.

Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 30 Januari. - Seramai 120 peserta baru-baru ini menyertai Larian Amal 'Run with Cadets!' yang julung kalinya diadakan oleh Pasukan Kadet Tentera Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dengan kerjasama Velosir Enterprise bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

Antara tujuan utama Larian Amal berkenaan diadakan adalah untuk mengumpul dana Tabung

Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim sesama ahli-ahli kadet tentera, di samping memupuk semangat kesukanan dan kerjasama yang menjadi teras latihan kadet tentera.

Larian amal berkenaan melibatkan ahli-ahli pasukan kadet tentera daripada lima buah Institusi Pengajian Tinggi (IPT), iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Brunei

Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Politeknik Brunei (PB).

Larian Amal berkenaan turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran Pemangku Pegawai Pemerintah Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei (ASMDB), 451 Mejar (U) Pengiran Mohammad Azizul bin Pengiran Haji Mohammad Yussof, jurulatih-jurulatih, guru-guru pengawas dan alumni-alumni kadet tentera.

Tahukah Awda

NSTITUT Biodiversiti dan Penyelidikan Alam Sekitar (IBER), Universiti Brunei Darussalam (UBD) berfungsi sebagai Fokal Agensi (Focal Agency) di UBD untuk organisasi yang sistematis bagi biodiversiti dan penyelidikan alam sekitar, pendidikan dan program jangkauan. Penubuhan IBER, UBD adalah susulan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Canselor UBD pada Majlis Konvokesyen Ke-25 pada 12 September 2013.

SUMBER : Pelita Brunei.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

KAWAL TEKANAN PERASAAN, HINDARKAN DIRI DARIPADA TERLIBAT DENGAN AKTIVITI NEGATIF